

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak, Jasin, Melaka adalah sebuah sekolah yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA) sepenuhnya. Semua pelajar yang berada dalam tingkatan 4 dan 5 diwajibkan mengambil mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Keputusan peperiksaan bagi mata pelajaran ini ada menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. Namun kejayaannya masih belum mencapai tahap yang cemerlang. Antara punca utamanya ialah kelemahan pelajar untuk menguasai dengan baik perbendaharaan kata Arab yang terdapat dalam mata pelajaran tersebut.

Berdasarkan senario yang berlaku dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah sehingga kini, pengkaji berpendapat bahawa kajian demi kajian perlu dilakukan supaya kaedah pengajaran Pendidikan Syariah Islamiah yang berkesan dapat direalisasikan seiring dengan realiti semasa dan sesuai mengikut arus globalisasi. Adalah diharapkan agar maklumat-maklumat yang dibekalkan mampu meningkatkan profesionalisme pendidikan seterusnya menjadikan Pendidikan Syariah Islamiah lebih menarik dan efektif. Penerapan metodologi yang berkesan semasa proses pengajaran dan pembelajaran juga akan melahirkan generasi cemerlang dan gemilang untuk agama, bangsa dan negara. Di dalam bab pertama ini, pengkaji akan kemukakan tajuk-tajuk yang merupakan gambaran umum kepada kajian ini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) merupakan salah satu mata pelajaran elektif Pengajian Islam yang ditawarkan kepada semua murid sekolah menengah peringkat SPM sama ada Islam atau bukan Islam. Mata pelajaran PSI mula diajar kepada murid tingkatan 4 pada tahun 1992 dan pada tahun 1993 buat pertama kalinya murid tingkatan 5 mendudukinya dalam SPM.¹ Hal ini menunjukkan bahawa Pendidikan Syariah Islamiah telah dilaksanakan di sekolah menengah hampir 20 tahun.

Pendidikan Syariah Islamiah juga telah mengalami perubahan dari segi sukatan pelajaran, buku teks dan bentuk pentaksiran bermula tahun 2003 untuk tingkatan 4 dan pada tahun 2004 untuk tingkatan 5.² Tahun 2010 merupakan tahun ketujuh Pendidikan Syariah Islamiah dilaksanakan dalam bentuk pentaksiran yang baru dalam peperiksaan SPM. Usaha untuk memahami perbendaharaan kata Arab dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah boleh dipertingkatkan lagi iaitu dengan menggunakan teknik dan pendekatan yang terbaik dan terkini. Penguasaan perbendaharaan kata Arab yang baik akan melahirkan pelajar yang lebih cemerlang dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah di peringkat sekolah dan universiti.

Tiada bukti yang jelas mengenai kemunculan bahasa Arab. Hanya terdapat teori yang menyatakan bahawa bahasa Arab berasal dari bahasa Babylon. Teori ini berdasarkan kepada beberapa persamaan di antara bahasa Arab dengan bahasa Babylon. Menurut Osman Hj. Khalid (1987),³ kedua-dua bahasa ini mempunyai persamaan dari segi *tanwīn*,

¹. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (2006), *Buku Panduan Kursus Peningkatan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah*, c. 1. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 1.

². *Ibid.*

³. Osman Hj. Khalid (1987), *Sejarah Peradaban Arab*. Kuala Lumpur: Syarhat Nadhi, h. 36.

huruf-huruf pengganti, penggunaan huruf kepada tanda-tanda majmuk dan tanda-tanda baris di akhir perkataan. Persamaan ini menjadi dasar yang menganggap bahasa Arab merupakan bahasa yang berasal dari Babylon.

Menurut Ismail Ab. Rahman (1992)⁴ menyatakan bahawa bahasa Arab sememangnya dipercayai telah mula diperkenalkan dan digunakan oleh penduduk di rantau ini sejak lama dahulu dan berkemungkinan besar kedatangannya bersama-sama dengan kedatangan Islam. Ini kerana tiada rekod yang jelas menunjukkan bilakah permulaan pembelajaran bahasa Arab di Tanah Melayu. Menurut beliau lagi, perkembangan bahasa Arab adalah amat menggalakkan jika dilihat kepada sistem pendidikan lama sehinggalah kepada sistem pendidikan moden hari ini.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Arab adalah antara bahasa yang tertua dalam sejarah tamadun manusia. Bahasa Arab bukan sahaja telah berjaya menjadi bahasa tamadun ilmu pengetahuan dan peradaban, bahkan menjadi bahasa komunikasi sejak dari zaman dahulu hingga sekarang dan diakui di peringkat antarabangsa.

Dari segi penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar pula, kajian Sohair (1990)⁵ ke atas 400 orang pelajar di 12 buah sekolah menengah mendapati bahawa perbendaharaan kata pelajar amat terhad. Kamarul Shukri Mat Teh (2008)⁶ dalam kajiannya pula melaporkan bahawa tahap pencapaian bahasa Arab pelajar belum memuaskan. Lantaran itu, untuk menguasai ilmu Pendidikan Syariah Islamiah para pelajar perlu memahami *iştilāḥ* bahasa Arab terlebih dahulu.

⁴ . Ismail Ab. Rahman (1992), *Masalah Yang dihadapi Oleh Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 225.

⁵ . Universiti Kebangsaan Malaysia, http://www.gemaislam.net/e-tesis_ba/3.htm, 15 Jun 2010.

⁶ . Universiti Sains Malaysia, http://web.usm.my/education/publication/JPP24_kamarulshukri_109-123, 15 Jun 2010.

Manakala Ishak Mohd. Rejab (1993)⁷ dalam satu kajian yang dijalankan di kalangan pelajar baru Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi mengenal pasti tahap sebenar penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa bilangan perbendaharaan kata pelajar tersebut adalah sekitar 500 hingga 1000 patah perkataan sahaja dan ia amat rendah berbanding dengan objektif pembelajaran bahasa ini di peringkat menengah yang mensasarkan supaya pelajar memperoleh dan menguasai setidak-tidaknya antara 3000 hingga 5000 patah perkataan.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga telah melakukan pelbagai usaha untuk mempertingkatkan lagi mutu Pendidikan Syariah Islamiah di negara kita bagi melahirkan pelajar yang celik ilmu Syariah serta dapat memberikan sumbangan kepada negara pada masa akan datang. Antaranya ialah dengan mengadakan program kerjasama di antara negara Malaysia dengan negara Arab seperti penghantaran pelajar ke Timur Tengah untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Syariah Islamiah dan Bahasa Arab.

Di samping itu, usaha-usaha ke arah penambahbaikan kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah yang lebih praktikal mengikut keperluan dan perkembangan dunia semasa juga telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Semuanya bertujuan untuk mencapai matlamat sebenar mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah diperkenalkan di peringkat sekolah dan dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran elektif Pengajian Islam.

Sehubungan dengan itu, penyemakan kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah telah dilakukan sejajar dengan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Rasional penyemakan tersebut adalah supaya Pendidikan Syariah Islamiah dapat diajar dalam bentuk yang lebih relevan, efisien dan berkesan. Hasilnya pelajar akan dapat

⁷. Ishak Mohd Rejab (1993), *Kajian Mengenalpasti Tahap Penguasaan Pelajar Baru Terhadap Perbendaharaan Kata Bahasa Arab*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

menguasai Pendidikan Syariah Islamiah dengan lebih baik dan menjadi asas yang mantap untuk pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Perlu ditegaskan juga bahawa pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mulai tahun 1988 turut membawa bersama suatu perubahan yang besar dan mempunyai signifikan terhadap rupa bentuk serta corak pengajaran dan pembelajaran di Malaysia. Justeru, peranan guru di dalam bilik darjah turut berubah daripada hanya penyampai ilmu pengetahuan seperti yang biasa diamalkan dalam kurikulum lama berubah menjadi perancang, pembimbing dan pemudah cara. Dengan hal yang demikian, pengajaran Pendidikan Syariah Islamiah akan menjadi lebih berpusatkan kepada pelajar dan bahan pembelajaran.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pengalaman pengkaji sebagai guru mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak, Jasin, Melaka selama hampir 8 tahun telah menarik minat pengkaji untuk menulis satu tesis pengajian di bawah tajuk penguasaan perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak, Jasin, Melaka. Sepanjang menjadi pendidik di sekolah tersebut, pengkaji mendapati pencapaian pelajar dalam Pendidikan Syariah Islamiah secara keseluruhannya baik tetapi masih belum mencapai tahap cemerlang.⁸ Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan keputusan mereka dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

⁸. Unit Peperiksaan & Penilaian (2009), *Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia*. Jasin: SMK Tun Perak, h. 2.

Maksud belum mencapai tahap cemerlang ialah bilangan pelajar yang mendapat keputusan (A) dalam SPM untuk mata pelajaran PSI jumlahnya tidak ramai.

Di antara faktor utama yang berlaku, pelajar lemah dalam penguasaan perbendaharaan kata Arab yang terdapat dalam Pendidikan Syariah Islamiah. Pengkaji mendapati belum ada satu kaedah yang sesuai untuk pelajar-pelajar memahami dan menguasai perbendaharaan kata Arab yang terkandung dalam buku teks. Tambahan pula, buku-buku rujukan Pendidikan Syariah Islamiah amat kurang di pasaran dan terhad penerbitannya.

Pengkaji juga mendapati bahawa kebanyakan perbendaharaan kata Arab yang ada dalam buku teks tidak diendahkan atau diberikan penekanan sewajarnya, terutama tentang sisipan indeks dan glosori serta info kamus yang terdapat dalam buku teks tersebut. Oleh sebab itu, pengkaji akan berusaha membuat satu kajian bagi membantu menyelesaikan kerumitan ini sekaligus menolong pelajar-pelajar menguasai perbendaharaan kata Arab dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.

Sehubungan dengan itu, kajian mengenai tahap penguasaan perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak akan mengupas persoalan-persoalan berikut:

1. Sejauhmanakah perkembangan penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah ?
2. Bagaimanakah pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah diajar dan apakah objektif, sukatan pelajaran dan isi kandungan yang diajar ?
3. Bagaimanakah penghayatan guru-guru dan pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan kesan-kesan pengajian ini terhadap pelajar ?

4. Apakah masalah-masalah yang sering dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran ?
5. Apakah saranan-saranan yang diperlukan bagi mempertingkatkan lagi penghayatan pelajar terhadap ilmu ini ?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai objektif-objektif khusus yang dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Mengenal pasti perbendaharaan kata Arab yang ada dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah tingkatan 4 dan tingkatan 5.
2. Mengenal pasti tahap penguasaan pelajar SMK Tun Perak terhadap perbendaharaan kata Arab dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.
3. Menganalisa prestasi pencapaian pelajar SMK Tun Perak dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Sudah menjadi lumrah hidup manusia di dunia ini, bahawa setiap sesuatu yang dilakukan itu pastinya mempunyai kepentingan yang tertentu. Apabila sesuatu itu mempunyai kepentingan ia akan menjadi salah satu sumber motivasi kepada seseorang individu itu untuk melakukannya. Begitu jugalah dengan kajian ini, yang mempunyai kepentingan tersendiri. Kepentingan yang dimaksudkan bukanlah untuk pengkaji semata-mata, tetapi

sebenarnya adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini. Kepentingan-kepentingan tersebut termasuklah :

1. Hasil daripada kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberikan sedikit sebanyak gambaran terhadap keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Syariah Islamiah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak, Jasin, Melaka.
2. Kajian ini perlu dijalankan supaya maklum balas daripada hasil kajian dapat dikenal pasti dan digunakan oleh pihak-pihak berkenaan khususnya di Kementerian Pelajaran Malaysia seperti IPG, BBT, LPM dan pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung dalam usaha mempertingkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Syariah Islamiah di sekolah menengah. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pelbagai pihak membuat tindakan susulan dan mengambil langkah yang perlu dalam merancang dan melaksanakan reformasi-reformasi tertentu untuk meningkatkan kualiti penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah.
3. Kajian ini juga penting kepada barisan guru mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Ini kerana mereka merupakan agen pembolehubah yang paling penting dalam memastikan para pelajar dapat menguasai perbendaharaan kata Arab yang terdapat dalam mata pelajaran tersebut. Guru-guru Pendidikan Syariah Islamiah juga bertanggungjawab untuk mempertingkatkan mutu penguasaan perbendaharaan kata Arab pelajar menerusi penggunaan pendekatan dan teknik pengajaran yang berkesan.

4. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi dorongan kepada pihak penerbit dan penulis untuk menyediakan dan menulis bahan-bahan rujukan serta bacaan yang lebih sesuai dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.
5. Kajian ini juga dapat memberi sumbangan secara ilmiah dalam bidang Pendidikan Syariah Islamiah di Malaysia yang mana secara realitinya masih memperlihatkan kekurangan kajian ilmiah yang lengkap dan terperinci.
6. Selain itu, pengkaji juga berpendapat kajian ini penting kerana dapat melahirkan pelajar yang lebih berminat, bermotivasi dan berkeyakinan tinggi untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

1.5 KAJIAN LEPAS

Melalui pembacaan dan tinjauan awal, pengkaji mendapati kebanyakan kajian dan disertasi yang dilakukan lebih membincangkan tentang penggunaan kata nama dan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian-kajian ini tidak menekankan kepada penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata Arab dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.

Di antara disertasi tersebut adalah kajian tesis sarjana pengajian Bahasa Moden yang bertajuk *Penguasaan Bahasa Arab di kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa, Kelantan* oleh Ismail Muda (1999).⁹ Kajian beliau hanya membatasi tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa. Rumusan daripada kajian beliau telah

⁹. Ismail Muda (1999), "Penguasaan Bahasa Arab di kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa, Kelantan" (Tesis Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

mendapati bahawa pelajar-pelajar yang terlibat menghadapi masalah dari segi perbendaharaan kata dan struktur ayat. Punca utama kelemahan ialah pelajar kurang menghafal dan tidak dapat mengingat perkara yang dipelajari serta malas mengulang kaji pelajaran.

Kajian mengenai *Penguasaan Kata Ganti Nama Bahasa Arab di kalangan Pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama* oleh Tuan Rashid Tuan Mat (2000).¹⁰

Kajian ini membincangkan mengenai kata ganti nama dalam bahasa Arab. Ianya meliputi perbincangan berkaitan jenis-jenis, bentuk-bentuk, ciri-ciri serta keistimewaan yang terdapat dalam sesuatu kata ganti nama bahasa Arab. Kajian ini dilakukan ke atas pelajar-pelajar tingkatan 5 di tiga buah sekolah menengah kebangsaan agama di Kelantan iaitu SMKA Wataniah Machang, SMKA Falahiah Wakaf Bharu dan SMKA Naim Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan. Kesimpulannya penguasaan pelajar terhadap kata ganti nama (*ḍamīr*) adalah berada pada tahap sederhana. Kata ganti nama yang senang dikuasai oleh pelajar ialah *ḍamīr mutakallim* dan yang sukar dikuasai oleh pelajar pula ialah *ḍamīr mustatir* dan *muttaṣil*.

Kajian tesis sarjana yang berkaitan dengan penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata bahasa Arab yang bertajuk *Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab di kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Tiga: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Negeri Melaka* oleh Saifuddin Hussin (2002).¹¹ Kajian ini dibuat untuk mengenal pasti penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar khususnya di tingkatan 3. Penulis telah mengkaji 30 set kertas jawapan peperiksaan

¹⁰. Tuan Rashid Tuan Mat (2000), "Penguasaan Kata Ganti Nama Bahasa Arab di kalangan Pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama" (Tesis Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

¹¹. Saifuddin Hussin (2002), "Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab di kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Tiga: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Negeri Melaka" (Tesis Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

percubaan PMR tahun 1999 dari dua buah sekolah di negeri Melaka iaitu SMK (A) Sultan Muhammad dan SMK (A) Sharifah Rodziah. Beberapa kelemahan telah dikenalpasti dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, antaranya pelajar tidak menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab dengan baik dan kurang berminat untuk menghafal.

Melalui tesis sarjana yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu dalam menguasai Bahasa Arab Komunikasi yang bertajuk *Masalah Penguasaan Bahasa Arab Komunikasi di kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes* oleh Sahabudin Salleh (2003).¹² Dalam kajian ini, pengkaji cuba melihat apakah masalah-masalah utama yang sering dihadapi oleh pelajar Melayu di Universiti Teknologi Mara (UiTM) sepanjang proses pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar Melayu yang mengambil bahasa Arab di UiTM, tidak dapat menguasai kemahiran bertutur dengan baik. Walaupun mereka berjaya memperolehi keputusan yang baik dalam peperiksaan bertulis. Di antara masalahnya ialah peruntukan masa pembelajaran yang terhad, kegagalan pensyarah menggunakan kepakaran sebaik mungkin, kurangnya komitmen daripada pelajar dan kekurangan alat bantu mengajar.

Kajian mengenai *Penguasaan Kata Nama Sinonim Bahasa Arab di kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Semantik* oleh Siti Nurfiza Abdul Alahdad (2007).¹³ Beliau cuba menghuraikan beberapa aspek penting berkaitan kata nama sinonim serta menjelaskan tentang bentuk-bentuk perubahan makna yang berlaku. Kajian utama adalah mendapatkan maklumat mengenai latar belakang bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan 4 daripada dua buah kelas yang berlainan di Sekolah Menengah Islam Hira', Jeram, Selangor dan

¹². Sahabudin Salleh (2003), "Masalah Penguasaan Bahasa Arab Komunikasi di kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes" (Tesis Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

¹³. Siti Nurfiza Abdul Alahdad (2007), "Penguasaan Kata Nama Sinonim Bahasa Arab di kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Semantik" (Tesis Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

mengetahui tahap penguasaan mereka terhadap kata nama sinonim bahasa Arab. Penguasaan pelajar berada pada tahap yang sederhana. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan responden tidak dapat menguasai kata nama sinonim ini dengan baik. Antaranya ialah pelajar kurang membaca, malas untuk menghafaz kalimah baru dan tidak berminat menggunakan kamus.

Terdapat juga kajian tesis sarjana mengenai *Penguasaan Al-I'āl dan Al-Ibdāl di kalangan Pelajar-pelajar Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Satu Kajian Kes* oleh Mohd Shafien Othman (2008).¹⁴ Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau kemampuan para pelajar mengikuti pembelajaran tersebut. Keperluan memahami dan menguasai proses *al-I'āl* dan *al-Ibdāl* sangat penting terutamanya ketika pelajar menggunakan kamus. Kebanyakan kamus yang digunakan memerlukan seseorang itu mengetahui kata dasar sesuatu perkataan. Penyelidikan ini dilaksanakan di Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor dan Sekolah Agama Menengah Tinggi Hishamuddin, Kelang, Selangor. Hasil kajian menunjukkan bahawa penguasaan pelajar terhadap perkataan asal yang terlibat dengan *al-I'āl* dan *al-Ibdāl* berada pada tahap yang lemah. Pelajar juga tidak dapat menguasai *wazan* dengan baik.

Selain itu, terdapat juga kajian tentang *Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab di kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes* oleh Hashim Mat Zin (2009).¹⁵ Kajian ini merupakan satu kajian untuk menilai tahap pencapaian pelajar. Ianya tertumpu kepada kesilapan yang biasa dilakukan dalam aspek kata kerja dan merangkumi semua jenis bahagian yang berkaitan dengannya. Penulis juga membicarakan tentang *ta'rif* kata

¹⁴. Mohd Shafien Othman (2008), "Penguasaan Al-I'āl dan Al-Ibdāl di kalangan Pelajar-pelajar Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Satu Kajian Kes" (Tesis Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

¹⁵. Hashim Mat Zin (2009), "Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab di kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes" (Tesis Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

kerja, bilangan huruf-hurufnya, kata kerja lima, tanda-tanda kata kerja, kaedah penukaran kata kerja kepada kata kerja yang lain dan tanda-tanda baris. Kajian ini dilakukan di Sekolah Menengah Agama Shamsuddiniah, kg. Parit Medan, Kundang Ulu, Muar, Johor. Beliau mendapati kebanyakan kesilapan yang dilakukan oleh responden adalah dalam bentuk membezakan antara pola-pola kata kerja dan perubahan makna dengan penambahan huruf dalam kata kerja.

Terdapat juga latihan ilmiah yang membincangkan tentang Pengajian Syariah di sekolah-sekolah agama di Malaysia iaitu yang bertajuk *Pengajian Syariah di S.M.K.A (P) Al Mashoor : Analisa Dari Sudut Sukatan Pelajaran, Pengajaran dan Pencapaian Pelajar* oleh Shamilah Haris (1994).¹⁶ Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai sukatan pelajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta prestasi pencapaian pelajar dalam Pengajian Syariah. Beliau juga menjelaskan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara teori dan secara praktikal di sekolah tersebut. Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa pelajaran Syariah telah dapat dikuasai oleh para pelajar Al Mashoor (P) kerana peratus lulus yang bagi mata pelajaran ini bolehlah dibanggakan dan ianya melebihi 50 peratus pada setiap tahun.

Selain itu, latihan ilmiah yang membincangkan tentang *Pengajian Syariah : Kajian Sukatan dan Kaedah Mengajar di Maahad Muhammadi (P) Kota Bharu, Kelantan Darul Naim* oleh Naimah binti Daud (1994)¹⁷. Kajian ini memfokuskan tentang Pengajian Syariah secara umum serta kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh guru-guru dalam proses

¹⁶. Shamilah Haris (1994), "Pengajian Syariah di S.M.K.A (P) Al Mashoor: Analisa dari Sudut Sukatan Pelajaran, Pengajaran dan Pencapaian Pelajar" (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

¹⁷. Naimah Daud (1994), "Pengajian Syariah : Kajian Sukatan dan Kaedah Mengajar di Maahad Muhammadi (P) Kota Bharu, Kelantan Darul Naim" (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

pengajaran mata pelajaran Syariah. Hasil daripada kajian ini, didapati bahawa kaedah yang biasa digunakan di Maahad Muhammadi (P) ialah kaedah syarahan atau kuliah dan kaedah perbincangan.

Jurnal Syariah yang membincangkan *Isu Pendekatan di dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis* seperti yang ditulis oleh Rahimin Affandi Abd Rahim (2005).¹⁸ Penyelidikan ini telah meneliti isu pendekatan metodologi di dalam Pengajian Syariah di Malaysia. Didapati beberapa cadangan untuk kemajuan Pengajian Syariah. Pertama, pendekatan falsafah dan kesannya terhadap pengajian Islam. Kedua, pendekatan baru hasil pemanfaatan pengetahuan yang berkaitan dengan *‘Ilm Uşūl al-Fiqh* dan akhirnya tenaga kerja daripada prinsip-prinsip yang pelbagai dalam Pengajian Syariah.

Apa yang membezakan kajian ini dengan penulisan-penulisan sebelumnya ialah fokus kajian. Dalam kajian ini, pengkaji mengenengahkan tahap penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah. Oleh kerana kajian mengenai penguasaan perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah masih belum dijalankan, maka pengkaji merasakan kajian seperti ini perlu dikaji dengan lebih meluas dan menyeluruh agar ianya dapat membantu semua pihak dalam membentuk teori-teori serta kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dengan lebih berkesan. Selain daripada itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu mengatasi masalah kelemahan pelajar dalam menguasai perbendaharaan kata Arab khususnya dalam Pendidikan Syariah Islamiah.

¹⁸. Rahimin Affandi Abd Rahim (2005), “Isu Pendekatan di dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis”, *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bil. 13(1), h. 105-134.

1.6 METODOLOGI¹⁹ KAJIAN

Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa metode utama iaitu :

1.6.1 Metode Pengumpulan Data

1.6.2 Metode Analisis Data

1.6.3 Metode Persampelan

1.6.1 Metode Pengumpulan Data

Metode Pengumpulan Data ialah usaha-usaha yang dilakukan dengan pengumpulan maklumat dan seterusnya mentafsir data-data tersebut.²⁰ Dalam usaha mengumpul maklumat dan data daripada sumber-sumber tertentu pengkaji telah menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu:

1.6.1.1 Kajian Perpustakaan (*Library Research*)

1.6.1.2 Kajian Lapangan (*Field Research*)

1.6.1.1 Kajian Perpustakaan (*Library Research*)

Kajian perpustakaan boleh diertikan sebagai suatu teknik bagi seseorang penyelidik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod.²¹ Proses pembacaan dan penelitian terhadap buku-buku ilmiah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian menjadi sumber asas dalam pengumpulan dan pemerolehan data atau maklumat dalam kajian ini. Ia juga dikenali sebagai metode dokumentasi. Dokumen bererti

¹⁹. Perkataan methodology adalah terdiri dari dua suku kata iaitu methodos dan logos. Mengikut Imam Barnabib, Methodology pendidikan adalah “ ilmu tentang cara mengadakan penelitian ”, lihat Imam Barnabib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP- IKIP, h. 51.

²⁰. Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur : Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, h. 11.

²¹. Mohd Shafie Abu Bakar (1987), *Methodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 41.

benda bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan yang boleh digunakan sebagai bukti atau keterangan yang sahih tentang sesuatu perkataan. Ia merangkumi sumber-sumber yang berbentuk buku, jurnal, disertasi dan tesis, kertas kerja, artikel, laporan, risalah dan laman web. Semua dokumen ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengkaji dalam bab kedua dan ketiga.

Pengkaji menggunakan beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Pendidikan Universiti Malaya, Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur dan Perpustakaan SMK Tun Perak.

1.6.1.2 Kajian Lapangan (*Field Research*)

Bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian, pengkaji telah menjalankan kajian lapangan dan metode yang digunakan adalah:

1.6.1.2.1 Metode Temu Bual

Metode ini memerlukan komunikasi secara langsung antara penyelidik dengan subjek atau sampel,²² dengan kata lain metode ini merupakan cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden dan bercakap-cakap secara berhadapan dengan muka orang itu. Metode ini lebih sulit kerana pengkaji terpaksa hadir dan bersemuka dengan responden tersebut. Ini mungkin dianggap sebagai ancaman.²³ Pengkaji telah menggunakan metode temu bual ini, ketika mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan Pendidikan Syariah Islamiah di SMK Tun Perak.

²². Winarno Surachmad (1970), *Dasar dan Teknik Reseach, Pengantar Metodologi Ilmiah*. Bandung: Penerbit C.V. Tarsito, h.168.

²³. Kenneth D. Baily (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 305.

Pengkaji juga telah melakukan temu bual dengan beberapa orang tenaga pengajar SMK Tun Perak di antaranya pengetua sekolah iaitu Ustaz Muhd. Hairi bin Tamam merangkap guru mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah, GPK HEM iaitu Pn. Hjh. Yazidah bt. Yazid, Setiausaha Peperiksaan iaitu Ustaz Ahmad Jamsari bin Mahmud dan Ketua Warden Asrama iaitu Ustaz Khairul Munir bin Ibrahim.

1.6.1.2.2 Metode Soal Selidik

Metode ini adalah satu kaedah pengumpulan data melalui penggunaan borang soal selidik yang mengandungi pelbagai soalan yang disusun secara teratur untuk dijawab oleh responden.²⁴ Ia merupakan metode yang paling penting untuk melengkapkan data di dalam bab keempat. Pengkaji menggunakan metode soal selidik dalam usaha mendapatkan data-data serta maklumat yang diperlukan. Apa yang dimaksudkan dengan soal selidik ialah satu rangkaian soalan yang dibentuk khas dan mempunyai objektif tertentu yang dilaksanakan ke atas orang yang tertentu pada masa yang tertentu.²⁵ Metode ini mempunyai bentuk-bentuk seperti:

- a. *Self Administrated* iaitu senarai soalan yang diberikan kepada responden untuk dijawab sendiri tanpa bantuan daripada pengkaji. Pengkaji menggunakan cara ini kepada 4 orang guru dan 97 orang pelajar.
- b. Jadual (*Schedule*) iaitu penemuduga mencatat jawapan daripada responden. Pengkaji menggunakan cara ini di kalangan pengetua dan guru. Metode ini digunakan semasa menyempurnakan bab empat.

²⁴. Syed Arabi Idid (1992), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, j. 2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 87.

²⁵. Idris Awang (1988), *Penyelidikan Jenis dan Method*. Kuala Lumpur : Akademi Islam, Universiti Malaya, h. 67.

- c. Panduan Temu Bual (*Interviewing Guide*) iaitu pengkaji menemuramah responden mengikut isi-isi yang telah ditentukan, agar masa bersama responden tidak terbuang walaupun responden bebas mengeluarkan pandangan.

Untuk menyempurnakan penyelidikan ini, pengkaji telah menetapkan skop kajian ke atas 4 orang guru Pendidikan Syariah Islamiah dan 97 orang pelajar tingkatan 5 SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Mereka adalah sampel dan responden yang sesuai untuk dijadikan bahan penyelidikan. Alasannya, kerana mereka merupakan tenaga pengajar mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan golongan pelajar yang telah mempelajari banyak perbendaharaan kata Arab yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah bermula daripada tingkatan empat lagi.

Pelajar tingkatan 5 juga merupakan golongan pelajar yang lebih fokus kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Ketekunan mereka ini, adalah bertujuan untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM. Pada tahun 2011, SMK Tun Perak hanya mempunyai 4 orang guru yang mengajar Pendidikan Syariah Islamiah dan 97 orang pelajar tingkatan 5. Pengkaji tidak memilih responden daripada pelajar tingkatan 4 kerana mereka belum mempelajari perbendaharaan kata Arab dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah sepenuhnya. Mereka hanya menguasai sebahagiannya sahaja iaitu untuk tahap sukatan pelajaran tingkatan 4.

Pengkaji juga memilih SMK Tun Perak, Jasin, Melaka sebagai tempat penyelidikan kerana sekolah ini merupakan sebuah sekolah menengah kebangsaan yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA) sepenuhnya. Kesemua pelajarnya merupakan pelajar aliran agama dan mengambil mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dalam peperiksaan Sijil

Pelajaran Malaysia (SPM). Hasil keputusan yang diperolehi, pengkaji akan memanfaatkan di dalam bab empat dan bab lima.

6.1.2.3 Metode Observasi

Metode ini merupakan cara penelitian yang dapat menghasilkan pengetahuan yang sesuai dengan syarat-syarat penelitian ilmiah tanpa banyak memerlukan biaya atau tenaga.²⁶ Ianya termasuk pengalaman sendiri pengkaji yang dialaminya secara langsung di dalam masalah-masalah yang ada hubungan dengan aspek penelitian.

Metode Observasi ini amat berkesan sekali untuk melihat perkembangan dan perubahan ke atas perkara yang diperhatikan.²⁷ Pemerhatian ini dapat dijalankan dengan dua cara:

- a. Pemerhatian dari luar.
- b. Pemerhatian dari dalam.

Dalam konteks ini, pengkaji mesti pergi ke tempat kajian untuk membuat pengamatan secara lebih jelas lagi mengenai objek penelitian tersebut. Pengkaji menggunakan metode ini adalah bertujuan supaya ianya saling lengkap melengkapi di antara metode-metode yang telah digunakan. Observasi ini juga telah dilakukan dalam tempoh yang sama, semasa pengkaji mengedarkan borang soal selidik, mengadakan proses temu bual dan menghimpunkan dokumen-dokumen yang diperlukan. Pengkaji juga telah melakukan pengamatan dan pemerhatian serta mencatat segala butir-butir yang ada hubung kait dengan objek yang diselidik.

²⁶. Abdul Halim bin Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, h. 129.

²⁷. Samaruddin Rejab dan Nazri Abdullah (1992), *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 334.

1.6.2 Metode Analisis Data

Pengkaji menggunakan metode analisis data setelah semua data-data berjaya dikumpulkan. Pengkaji akan menganalisis, melihat hubung kait antara fakta-fakta, menginterpretasi data dan seterusnya membuat kesimpulan dan saranan sebagai hasil penemuan kajian. Berikut adalah metode-metode yang diaplikasikan oleh pengkaji untuk menganalisis segala maklumat tersebut.

1.6.2.1 Metode Pensejarahan

Metode ini merujuk kepada kajian yang menumpukan pada proses gejala, peristiwa atau konsep yang lahir masa lalu.²⁸ Penyelidikan yang menggunakan metode pensejarahan adalah penyelidikan yang mengaplikasikan metode pemecahan yang ilmiah dari perspektif sesuatu masalah.²⁹ Ia juga boleh didefinisikan sebagai satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian.³⁰ Semasa menganalisis data-data yang ada, metode pensejarahan diaplikasikan terutama ketika membincangkan latar belakang mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah di SMK Tun Perak.

Walaupun penelitian sejarah ini adalah suatu perkara yang amat kompleks, namun pengkaji berusaha semaksima mungkin untuk mendapatkan fakta-fakta yang benar dan komprehensif. Walaupun begitu, sesuatu yang tidak dapat dinafikan bahawa dalam usaha pengkaji mengumpulkan data-data melalui metode ini, sudah tentu tidak semua fakta-fakta sejarah dapat dikumpulkan.

²⁸. Sidi Gazalba (1981), *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara, h. 77.

²⁹. Winarno Surachmad (1970), *Dasar dan Teknik Reseach, Penghantar Methodologi Ilmiah*. Bandung: Penerbit C.V. Tarsito, h. 123.

³⁰. Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 52.

Hakikat ini adalah bersesuaian dengan apa yang ditulis oleh Louis dalam bukunya yang berbunyi “Sejarah hanya sebahagian masa lampau manusia yang dapat disusun kembali secara bererti berdasarkan rakaman-rakaman yang ada dan berdasarkan kesimpulan-kesimpulan mengenai lingkungannya”.³¹

1.6.2.2 Metode Induktif³²

Metode ini ialah suatu cara untuk menganalisis data melalui pola berfikir dengan cara pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.³³ Sebagai contoh, pengkaji akan menggunakan metode ini dalam bab satu khususnya berhubung dengan latar belakang masalah. Pelbagai masalah kajian dikemukakan yang kemudiannya dirumuskan dalam satu permasalahan yang lebih umum dalam Pendidikan Syariah Islamiah.

1.6.2.3 Metode Deduktif³⁴

Metode ini merupakan suatu bentuk pola berfikir untuk mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil-dalil umum kepada dalil-dalil khusus. Dalam kajian ini pengkaji membuat rumusan berdasarkan maklumat yang ada. Ia banyak digunakan dalam menganalisis bab keempat yang melibatkan data soal selidik.

³¹. Louis Gottshalk (1982), *Understanding History: A Primer Of Historical*. Nugroho Noto Susanto (terj.), *Mengerti Sejarah*. Jakarta : Universiti Indonesia, h. 32.

³². Dalam disiplin *Usul al-Fiqh, Kaedah Induktif ini dikenali dengan nama kaedah Istiqra'*. Lihat Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 82.

³³. Imam Barnadib (1982) , *op.cit.*, h. 52-53.

³⁴. Dalam disiplin *Usul al-Fiqh, Kaedah dedutif ini dikenali dengan nama kaedah Istinbat*, Lihat Idris Awang (2001), *op.cit.*, h. 82.

Louay Safi (1998), *Asas-asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: The International of Islamic Thought & Thinker's Library, h. 139.

1.6.2.4 Metode Komparatif

Metode ini adalah satu cara membuat kesimpulan melalui perbandingan terhadap data-data, fakta dan pendapat yang diperolehi semasa melakukan kajian dan penelitian.³⁵ Metode ini diaplikasikan hampir disemua bab yang melibatkan pelbagai pandangan dan tanggapan. Contohnya perbandingan akan dibuat untuk melihat sejauh mana keberkesanan sistem pembelajaran yang digunakan dalam mencapai objektif sekolah.

1.6.2.5 Metode SPSS³⁶

Metode SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) diaplikasikan dalam menganalisis borang soal selidik yang dikembalikan. Pengkaji menggunakan versi 11.5 untuk menganalisis data berkaitan.

1.6.3 Metode Persampelan

Kaedah persampelan ini digunakan untuk menetapkan sebahagian daripada populasi (responden), yang mana seharusnya representif keseluruhan populasi tersebut. Pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan sistematik dengan penentuan jumlah populasi dan saiz sampel yang dipilih.³⁷ Pengkaji telah memilih untuk menggunakan metode ini semasa menjalankan kajian kerana dapat menjimatkan kos, masa, tenaga dan alat memproses data. Kaedah ini digunakan khusus untuk bab empat.

³⁵. Gerald S.Ferman & Jade Levin (1975), *Social Sciences Research*. United States of America: John Wisley & Son, h. 79.

³⁶. Zulkarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som (2001), *Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

³⁷. Sulaiman Masri (2003), *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal dan Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 55.

Pengkaji juga telah menjadikan pelajar tingkatan 5 dan guru mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah SMK Tun Perak sebagai subjek dan tempat untuk mendapatkan data. Pemilihan sekolah ini sebagai tempat yang ingin dikaji kerana sekolah ini merupakan sekolah yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA) sepenuhnya.

1.7 SISTEMATIKA PENULISAN

Untuk menghasilkan kajian ini, pengkaji akan menyusun sistematika penulisan berdasarkan pecahan bab seperti berikut :

Bab Pertama : Pendahuluan.

Merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, kajian lepas, skop kajian, metodologi kajian dan sistematika penulisan. Perbincangan berakhir dengan kesimpulan kepada bab pertama.

Bab Kedua : Perkembangan Pendidikan Syariah Islamiah Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak, Jasin, Melaka.

Bab ini membincangkan latar belakang institusi yang menjadi tempat kajian iaitu SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Ia meliputi sejarah ringkas sekolah, senarai pengetua, falsafah, visi, misi, ikrar, lagu, struktur organisasi dan enrolmen warga sekolah. Terdapat juga sejarah awal PSI di SMK Tun Perak dan sukatan pelajaran PSI tingkatan 4 dan 5. Selain itu, ia juga membincangkan mengenai analisis keputusan PSI peringkat SPM, kedudukan keputusan peperiksaan PSI di negeri Melaka dan daerah Jasin serta perancangan peningkatan kecemerlangan PSI.

Bab Ketiga : Perbendaharaan Kata Arab Dalam Buku Teks Pendidikan Syariah
Islamiah.

Bab ini membincangkan tentang perbendaharaan kata Arab untuk mata pelajaran PSI tingkatan 4 dalam bahagian *'Aqīdah, Uṣūl al-Fiqh, Ayat Ḥukm, Ḥadīth Ḥukm* dan *Fiqh*. Manakala untuk mata pelajaran PSI tingkatan 5 dalam bahagian *'Aqīdah, Sejarah Perundangan Islam, Uṣūl al-Fiqh, Ayat Ḥukm, Ḥadīth Ḥukm* dan *Fiqh*.

Bab Keempat : Analisis Data Dan Dapatan Kajian.

Bab keempat ini, mengandungi analisis data dan dapatan hasil kajian yang diperolehi daripada metode soal selidik, temu bual, pemerhatian dan sebagainya. Ia merangkumi latar belakang responden, latar belakang pengajaran dan pembelajaran PSI responden, penguasaan responden daripada kalangan pelajar terhadap perbendaharaan kata Arab dalam PSI, pandangan guru mengenai penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata Arab dalam PSI, hasil kajian terhadap responden daripada kalangan pelajar dan guru. Serta cadangan untuk pelajar menguasai perbendaharaan kata Arab dalam PSI.

Bab Kelima : Rumusan Dan Saranan.

Dalam bab terakhir ini, pengkaji akan membuat kesimpulan, cadangan dan saranan, cadangan kajian lanjutan dan penutup.

1.8 KESIMPULAN

Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) yang dilaksanakan di SMK Tun Perak sebenarnya boleh dijadikan contoh oleh sekolah-sekolah menengah yang lain. Apa yang menjadikan sekolah ini istimewa daripada sekolah –sekolah yang lain adalah statusnya sebagai sebuah sekolah menengah yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA) sepenuhnya. Semua pelajar tingkatan 1, 2, 3 diwajibkan mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Manakala semua pelajar tingkatan 4 dan 5 pula diwajibkan mengambil mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI), Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah (PQS) dan Bahasa Arab Tinggi (BAT) dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Walaupun kejayaan masih belum mencapai tahap yang cemerlang dalam keputusan peperiksaan PMR dan SPM, namun ada menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. Khususnya, bagi mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Oleh itu untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran ini, penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah perlu diberi penekanan dan dipertingkatkan lagi. Pelajar perlu berusaha lebih gigih untuk menambah ilmu pengetahuan tanpa mengharapkan ilmu yang diperolehi di dalam kelas semata-mata. Mereka juga perlu mengamalkan gaya pembelajaran yang sistematik dan berkualiti sepanjang masa.

BAB KEDUA

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN PERAK, JASIN, MELAKA

2.1 PENGENALAN

Mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) yang diajar di SMK Tun Perak, Jasin, Melaka merupakan salah satu mata pelajaran elektif Pengajian Islam yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di sekolah menengah pada peringkat peperiksaan SPM. SMK Tun Perak pula adalah sebuah sekolah menengah harian yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA) sepenuhnya. Pendidikan Syariah Islamiah menjadi satu mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua calon peperiksaan SPM di setiap sekolah menengah yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA).

Pendidikan Syariah Islamiah juga diwajibkan kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 di SMKA dan SABK. Manakala di SBPI pelajar kelas aliran agama sahaja yang diwajibkan mempelajarinya. Walau bagaimanapun kajian ini akan memberikan penumpuan khusus kepada penguasaan pelajar tingkatan 5 SMK Tun Perak terhadap perbendaharaan kata Arab dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Justeru itu terlebih dahulu pengkaji ingin memperkenalkan latar belakang SMK Tun Perak dan seterusnya membentangkan senario Pendidikan Syariah Islamiah di sekolah ini.

2.2 LATAR BELAKANG SEKOLAH DAN PERKEMBANGANNYA

2.2.1 Sejarah Ringkas Penubuhan Sekolah

Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak bermula pada 10 Januari 1965 dengan nama Sekolah Menengah Rendah XIX, Jasin. Pada masa itu pengetuanya ialah Encik Sulaiman Md. Atan. Pada peringkat permulaan, bilangan muridnya seramai 247 orang yang terdiri dari 5 aliran tingkatan 1, 1 aliran tingkatan 2 dan 1 aliran tingkatan 3. SMR XIX merupakan sekolah menengah aliran kebangsaan yang memulakan sejarah persekolahannya dengan menumpang di Sekolah Kebangsaan Jasin di sebelah petang. Bagaimanapun pada awal tahun 1966, pentadbiran dan pengajarannya berpindah pula ke Sekolah Menengah Kebangsaan Jasin iaitu di tapak yang ada sekarang. Pada waktu itu pentadbirannya terdiri daripada 14 orang kakitangan akedemik dan beberapa orang kakitangan lain.³⁸

Apabila Sekolah Menengah Kebangsaan Jasin berpindah ke Kelubi pada awal tahun 1967, semua bangunan, peralatan serta kemudahan yang ada telah diserahkan keseluruhannya bagi kegunaan SMR XIX. Ini bermakna SMR XIX mulai tahun itu telah mempunyai bangunan sendiri dan tidak menumpang lagi. Pada tahun itu juga proses pembinaan dua blok bangunan tambahan iaitu blok C dan blok D dilaksanakan. Pada 1 Oktober, 1967 SMR XIX telah dibuka dengan rasminya oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran iaitu Encik Mohammad Khir Johari. Mulai tarikh tersebut SMR XIX dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak.

³⁸. Majalah Sekolah SMK Tun Perak, Jasin, Melaka (1987-1988), *Tunas*, j. 1. Melaka:Percetakan Surya, h. 15.

Bagi maksud memberikan kemudahan kepada pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Jasin Darat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Iskandar Shah, Sekolah Menengah Kebangsaan Datok Bendahara, Sekolah Menengah Kebangsaan Jasin dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak sendiri, sebuah asrama telah ditubuhkan pada tahun itu juga. Pentadbirannya diletakkan di bawah pengurusan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak. Asrama tersebut dikenali dengan nama Asrama Putera Jasin. Pada awalnya 7 bilik darjah daripada bangunan D telah digunakan dan boleh menampung 130 orang murid. Namun begitu jumlah penghuninya sentiasa turun naik dari setahun ke setahun.³⁹

Memandangkan kebanyakan murid di sekolah ini pada waktu itu mempunyai latar belakang ekonomi yang kurang menggalakkan, sebuah tabung yang dikenali sebagai 'Badan Kebajikan Murid Miskin' telah ditubuhkan pada tahun yang sama. Matlamatnya dapat difahami daripada namanya dan punca kewangan diperolehi daripada kegiatan-kegiatan yang dirancangkan dari masa ke semasa.

Peringkat permulaannya, Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak hanya menyediakan calon-calon SRP yang mana pelajar-pelajarnya datang dari sekolah kebangsaan di sekitar Jasin. Mulai tahun 1970, Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak mula menyediakan kelas peralihan bagi menampung murid-murid yang datang dari SRJK(C) dan SRJK(T). Buat permulaannya hanya sebuah kelas disediakan.

Waktu itu pelajar-pelajar yang lulus SRP dihantar melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Kebangsaan Iskandar Shah atau ke Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah. Pelajar yang terpilih pula akan melanjutkan pelajaran ke Sekolah Alam Shah. Hanya pada tahun 1977, kelas tingkatan 4 dimulakan dengan jumlah murid seramai 222

³⁹. *Ibid.*, h. 16.

orang. Pelajar-pelajar ini di tempatkan dalam 5 kelas. Ini bermakna sekolah hanya mula menyediakan calon SPM pada tahun 1978 dan kesemuanya dalam jurusan Sastera.⁴⁰

Melalui kebenaran Jabatan Pelajaran Melaka, Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak telah memulakan kelas untuk pelajar tingkatan 4 Sains pada tahun 1984. Calon bagi jurusan Sains yang pertama mengambil peperiksaan SPM ialah pada tahun 1985. Bilangan mereka adalah seramai 32 orang.

Memandangkan sebahagian besar pelajar sekolah dan asramawan beragama Islam. Pada tahun 1980 telah ditubuhkan sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab merancang serta melaksanakan pembinaan surau untuk kegunaan semua pihak yang beragama Islam. Jawatankuasa ini telah merancang kegiatan-kegiatan bagi mengisi 'Tabung Surau'. Hasil pungutan derma dari pelajar-pelajar, guru-guru, kakitangan, ibu bapa, orang ramai dan sumbangan kerajaan negeri; pembinaannya telah dimulakan pada tahun 1980 dan siap pada tahun berikutnya. YB Encik Mohd Aris bin Hj. Konil, ADUN Kawasan Air Panas telah merasmikan surau tersebut pada tahun 1981.

Pada Tahun 1986, pembinaan asrama 3 tingkat yang boleh memuatkan 200 katil telah dimulakan bagi menggantikan asrama yang menggunakan bilik darjah sebagai asrama. Di samping sebuah asrama, sebuah dewan makan juga didirikan. Berhampiran dengan asrama itu juga telah dibina 3 unit rumah kakitangan secara gotong-royong. Pelajar-pelajar asrama yang tinggal di blok D telah dipindahkan ke bangunan baru asrama pada tahun 1988 yang telah menempatkan 130 orang pelajar. Pada tahun 1992 kerajaan telah

⁴⁰. *Ibid.*, h. 16-17.

membina 2 unit rumah guru. Pada tahun 1994, 2 unit lagi rumah guru telah dibina dan telah siap pada tahun itu juga.⁴¹

Pada tahun 1998 Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak telah membuka Kelas Aliran Agama (KAA). Sempena dengan adanya kelas aliran agama, asrama puteri telah diwujudkan. Penempatan pertamanya disediakan untuk pelajar tingkatan 1 dan tingkatan 4 dari kelas aliran agama. Penghuni asrama putera telah dipindahkan semula ke blok D dan bangunan asrama yang ada telah dijadikan asrama puteri. Pada tahun 2002 Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak telah dinaikkan taraf kepada sekolah yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA) sepenuhnya.⁴²

Pihak sekolah juga telah membina sebuah surau baru pada tahun 2003. Ia bersesuaian dengan status sekolah yang telah menjadi sekolah aliran agama sepenuhnya dan jumlah pelajar yang tinggal di asrama semakin bertambah setiap tahun. Bentuknya yang lebih luas, selesa dan boleh memuatkan seramai lebih kurang 700 orang untuk melaksanakan aktiviti kerohanian. Surau baru ini telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka iaitu YAB. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali bin Mohd. Rustam.

Sebuah asrama baru juga telah siap dibina pada tahun 2009. Bangunan asrama baru ini dikhususkan untuk pelajar puteri. Bangunannya terdiri dari 4 tingkat, yang turut menyediakan 2 unit rumah warden asrama. Di kawasan sekitarnya dibina sebuah dewan makan dan sebuah surau untuk kegunaan pelajar puteri. Pada penghujung 2009 pelajar asrama puteri telah dipindahkan ke asrama baru dan pelajar asrama putera pula dipindahkan

⁴¹. SMK Tun Perak, Jasin, Melaka, <http://estipi.tripod.com>, 23 Ogos 2010.

⁴². SMK Tun Perak, Jasin, Melaka (2008), *Selayang Pandang SMKTP dari 1965-2008*. Jasin: SMK Tun Perak, h. 1.

ke asrama puteri yang lama.⁴³ Kedua-dua bangunan asrama tersebut boleh menampung bilangan penghuninya seramai 452 orang. Jumlah penghuni asrama SMK Tun Perak pada tahun 2010 ialah 450 orang dan pada tahun 2011 pula seramai 430 orang.⁴⁴

Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak terus mengorak langkah dan menjadi di antara sekolah yang cemerlang di negeri Melaka baik dari sudut pencapaian kurikulum mahupun kokurikulum. Banyak kejayaan yang telah ditempa dan meletakkan Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak sebaris dengan sekolah-sekolah yang meningkat maju di negeri Melaka.⁴⁵

2.2.2 Sejarah Bendahara Tun Perak

Tun Perak adalah anak Bendahara Sri Wak Raja yang telah terbunuh semasa rampasan kuasa yang dilakukan oleh Raja Kasim di Melaka pada tahun 1445. Selepas pemberontakan itu, beliau telah dilantik menjadi Penghulu di Kelang manakala adiknya Tun Kudu berkahwin dengan Sultan Muzaffar Shah.

Beliau menjadi lebih terkenal apabila beliau bersama-sama pengikutnya dari Kelang telah kembali dari menentang serta mengalahkan serangan Siam di Muar. Kejayaan ini menyebabkan beliau dilantik menjadi Bendahara Melaka bagi menggantikan Bendahara Tun Ali. Beliau sekali lagi berjaya mengalahkan serangan Siam di Batu Pahat pada tahun 1456. Selepas kejayaan itu, beliau telah menghantar utusan untuk berdamai dengan Siam.

⁴³. Pn. Hjh. Yazidah Yazid, GPK HEM SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Temu bual pada 22 Julai 2010.

⁴⁴. Ustaz Khairul Munir Ibrahim, Ketua Warden Asrama SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Temu bual pada 1 Februari 2011.

⁴⁵. SMK Tun Perak, Jasin, Melaka (2009), *Buletin Al-Izdihaar*, j. 2. Melaka: Bintang Printing Centre Sdn. Bhd., h. 2-4.

Tun Perak sangat berjasa kepada negeri Melaka. Beliau dikenali sebagai Pelantik Raja. Beliau telah melantik Sultan Mansor Shah, Sultan Alauddin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah. Beliau mempunyai kuasa yang besar dalam melantik sultan-sultan tersebut.

Tun Perak berjaya mewujudkan keamanan dan kesejahteraan di Melaka melalui sistem pentadbiran dan perundangan yang baik. Kesan dari keamanan ini, Melaka dapat berkembang menjadi sebuah bandar pelabuhan yang terpenting di dunia pada masa itu. Beliau juga telah berjaya memperluaskan empayar Melaka ke seluruh Tanah Melayu dan bahagian barat Pantai Sumatera.

Tun Perak meninggal dunia pada tahun 1498 setelah menjadi Bendahara Melaka selama 42 tahun. Beliau juga telah berjaya menjadikan Melaka sebagai pusat perkembangan serta pusat penyelarasan agama Islam di rantau Asia Tenggara.⁴⁶ Memandangkan jasa-jasa Tun Perak yang telah mengembangkan empayar Melaka dan menyebarkan agama Islam maka namanya telah diabadikan pada sekolah ini.

⁴⁶. Majalah Sekolah SMK Tun Perak, Jasin, Melaka (1987-1988), *Tunas*, j. 1. Melaka: Percetakan Surya, h. 18-19.

2.2.3 Pengetua-pengetua SMK Tun Perak ⁴⁷

Jadual 2.1: Senarai Pengetua SMK Tun Perak

BIL	NAMA PENGETUA	TAHUN
1.	EN. SULAIMAN BIN ATAN	10/01/1965 - 31/11/1969
2.	EN. AZIZ BIN TAPA	01/12/1969 - 31/12/1972
3.	EN. JAMADI BIN ALIAS	01/01/1973 - 31/12/1977
4.	EN. ABU HASHIM BIN HJ. ABD MANAF	01/01/1978 - 30/09/1979
5.	EN. AMAT BIN ABSAH	01/01/1979 - 15/04/1986
6.	TN. HJ. ROKHANI BIN MANGI	16/04/1986 - 16/08/1989
7.	TN. HJ. OTHMAN BIN HJ. HASSAN	17/08/1989 - 01/12/1993
8.	TN. HJ. MAHMOR BIN OSMAN	02/12/1993 - 16/02/2000
9.	TN. HJ. MUSTADZA BIN MD. YUSUF	16/02/2000 - 16/03/2003
10.	PN. HJH. HAZIZAH BINTI MD. SALLEH	16/03/2003 - 31/05/2006
11.	PN. HJH.MASNAH BINTI MD. NOR	31/05/2006 - 01/08/2008
12.	TN. HJ. MUHD. HAIRI BIN TAMAM	01/08/2008 - SEKARANG

Sumber: Carta Pengetua 1965-2010

⁴⁷. SMK Tun Perak, Jasin, Melaka (2010), *Carta Pengetua 1965-2010*. Jasin: SMK Tun Perak.

2.2.4 Falsafah Sekolah

Kesempurnaan setiap insan boleh dibentuk melalui ilmu dan kemahiran bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai ‘khalifah’ di muka bumi. Oleh itu, SMK Tun Perak sentiasa berusaha secara menyeluruh dan bersepadu untuk memartabatkan kecemerlangan dalam usaha semua bidang, seiring dengan wawasan negara demi kemuliaan agama dan bangsa.⁴⁸

2.2.5 Visi⁴⁹

SMK TUN PERAK
ADALAH
SEKOLAH CEMERLANG
KE ARAH
PENCAPAIAN LULUS 100%
DENGAN 50% MEMPEROLEH SEMUA ‘A’
DALAM PMR
DAN 10% MEMPEROLEH SEMUA ‘A’
DALAM SPM
MENJELANG 2010

⁴⁸. Majalah Sekolah SMK Tun Perak, Jasin, Melaka (2008), *Al-Izdihaar*, j. 10. Melaka: Bintang Printing Centre Sdn. Bhd., h. 3.

⁴⁹. *Ibid.*

2.2.6 Misi ⁵⁰

- Memupuk dan membentuk persekitaran positif ke arah budaya ilmu cemerlang yang berasaskan penghayatan Islam.
- Melahirkan generasi pelajar yang berhemah tinggi dan berkualiti dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.
- Menghayati dan mengaplikasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Objektif Sekolah.
- Menjana warganegara yang mempunyai jati diri dan berketrampilan.

2.2.7 Ikrar Sekolah

Kami murid-murid SMK Tun Perak akan sentiasa mengamalkan Prinsip-prinsip Rukun Negara dengan menghayati Falsafah Pendidikan Negara. Kami juga berjanji pada setiap masa akan : ⁵¹

Menghormati guru-guru, ibu bapa dan rakan-rakan.

Mematuhi peraturan-peraturan sekolah.

Mengamal budaya ilmu.

Bergiat cergas dalam pelajaran dan sukan.

Menjaga nama baik sekolah dan sentiasa berdisiplin sesuai dengan objektif sekolah.

⁵⁰. *Ibid.*, h. 3.

⁵¹. *Ibid.*, h. 4.

2.2.8 Lagu Sekolah

MAJU TUN PERAK⁵²

Berjaya Sekolah Tun Perak
Sudah ternama
Mendidik kami sepanjang masa
Penuhi hasrat untuk negara
Agar menjadi insan yang sempurna
Pembela nusa kita

Maju Terus maju Tun Perak
Capai wawasan negara
Maju Terus maju Tun Perak
Pelahir pejuang bangsa

Kami berjanji mencurahkan bakti
Untuk STP
Tekun berusaha sepanjang masa
Insan cemerlang di hari muka
Wajah Tun Perak budimu guru
Tiadakan ku lupa

2.2.9 Struktur Organisasi Pengurusan SMK Tun Perak

SMK Tun Perak diterajui oleh seorang ketua pentadbir yang dikenali sebagai pengetua sekolah. Jawatan pengetua dibantu oleh tiga orang penolong kanan yang bertanggungjawab terhadap bidang masing-masing iaitu pentadbiran & kurikulum (GPK 1), pengurusan hal ehwal murid (GPK HEM) dan pengurusan kokurikulum (GPK KOKU). Di bawah pengurusan GPK 1 terdapat empat orang guru yang dilantik sebagai guru kanan mata pelajaran iaitu GKMP Kemanusiaan, GKMP Bahasa, GKMP Sains & Matematik dan GKMP Teknik & Vokasional. Telah dibentuk lapan belas panitia mata pelajaran melalui keempat-empat GKMP tersebut.⁵³

⁵². *Ibid.*, h. 4.

⁵³. SMK Tun Perak, Jasin, Melaka (2010), *Perancangan & Takwim*. Jasin: SMK Tun Perak, h. 15.

GPK HEM menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan keperluan dan keselamatan pelajar. Di antara bidang tugas yang diuruskannya iaitu disiplin dan pengawas, biasiswa, kebajikan, bimbingan dan kaunseling, SPBT, program 3K, badan dakwah dan kerohanian, asrama, pendidikan pencegahan dadah, majalah dan pendaftaran tingkatan 1. Manakala tugas GPK KOKU pula melibatkan semua aktiviti kokurikulum iaitu persatuan dan kelab, badan beruniform, sukan dan permainan, kelab sukan dan koperasi.⁵⁴

Selain daripada itu, satu jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil ibu bapa dan guru yang dikenali dengan nama Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG)⁵⁵ telah ditubuhkan. Persatuan ini berperanan dalam membantu SMK Tun Perak untuk pencapaian kecemerlangan dalam pelbagai bidang, baik dari sudut akademik mahupun aktiviti kokurikulum. Banyak sumbangan dan bantuan yang telah diberikan oleh PIBG kepada pihak sekolah terutamanya dalam memberi idea, nasihat, bantuan fizikal dan kewangan.⁵⁶

2.2.10 Enrolmen Warga SMK Tun Perak

Pelajar SMK Tun Perak terdiri daripada pelajar Melayu yang beragama Islam. Kesemua mereka merupakan pelajar Kelas Aliran Agama (KAA). Berdasarkan kepada Penyata Enrolmen Murid bagi tahun 2010 seperti yang dikeluarkan oleh Unit Hal Ehwal Murid SMK Tun Perak, bilangan pelajar keseluruhannya berjumlah 625 orang. Bilangan pelajar lelaki seramai 300 orang dan pelajar perempuan 325 orang. Jumlah pelajar SMK Tun Perak semakin bertambah pada tahun 2011. Terdapat 254 orang pelajar lelaki dan 413 orang

⁵⁴. *Ibid.*, h. 15.

⁵⁵. *Ibid.*, h. 15.

⁵⁶. Tn. Hj. Muhd Hairi b. Tamam, Pengetua SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Temu bual pada 22 Julai 2010.

pelajar perempuan. Jumlah keseluruhan pelajar SMK Tun Perak bagi tahun 2011 ialah 667 orang.⁵⁷

Pelajar yang belajar di sini bermula daripada tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Semua pelajar menengah rendah diwajibkan mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dan pelajar menengah atas diwajibkan mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi (BAT), Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) dan Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (PQS). Jumlah kelas yang diwujudkan iaitu sebanyak 25 buah. Kebanyakan pelajar SMK Tun Perak tinggal di asrama dan jumlahnya hampir 70%.⁵⁸

Sementara itu, bilangan guru yang berkhidmat di SMK Tun Perak bagi tahun 2010, adalah seramai 57 orang. Selain daripada kakitangan akademik terdapat juga 11 orang kakitangan sokongan yang bertanggungjawab membantu pentadbiran dan pengurusan sekolah dan asrama. Sekolah ini turut mempunyai 14 kakitangan swasta yang menguruskan bahagian kebersihan dan bahagian keselamatan sekolah serta asrama.⁵⁹

Pada sesi persekolahan 2011, bilangan kakitangan akademik yang berkhidmat di SMK Tun Perak seramai 56 orang. Manakala bilangan kakitangan sokongan kekal 11 orang dan terdapat 16 orang kakitangan swasta.⁶⁰ Melalui kerjasama yang erat dan komitmen yang padu daripada semua pihak menjadikan SMK Tun Perak berjaya mengorak seribu langkah kecemerlangan dan berjaya melahirkan personaliti pelajar yang gemilang duniawi dan ukhrawi.

⁵⁷. Pn. Hjh. Yazidah Yazid, GPK HEM SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Temu bual pada 24 Januari 2011.

⁵⁸. *Ibid.*

⁵⁹. SMK Tun Perak, Jasin, Melaka (2010), *Surat Siaran*. Jasin: SMK Tun Perak, h. 1.

⁶⁰. SMK Tun Perak, Jasin, Melaka (2011), *Surat Siaran*. Jasin: SMK Tun Perak, h. 1.

2.3 SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH

Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) merupakan salah satu mata pelajaran elektif Pengajian Islam yang ditawarkan kepada semua murid sekolah menengah peringkat SPM. Mata pelajaran ini mula diajar di sekolah pada tahun 1992. Pada tahun 1999 sukatan pelajaran PSI telah disemak semula oleh Jawatankuasa Kurikulum Pusat bagi menjadikannya lebih relevan dan berkesan.⁶¹ Pelaksanaannya di peringkat sekolah dilakukan pada tahun 2003 untuk tingkatan 4 dan pada tahun 2004 untuk tingkatan 5.

Pendidikan Syariah Islamiah merangkumi bidang; *'Aqīdah*, Sejarah Perundangan Islam, *Uṣūl al-Fiqh*, *Ayat Ḥukm*, *Ḥadīth Ḥukm* dan *Fiqh* iaitu:

Bidang *'Aqīdah* membincangkan tentang iman, Islam dan bukti-bukti kewujudan Allah S.W.T, dosa dan pahala, perkara-perkara yang membatalkan iman, *ma'rifat Allah* dan *taqlīd*, *af'āl Allah*, *af'āl al-'Ibād*, sejarah perkembangan *'ilm kalām* dan *ayat* serta *ḥadīth mutashābihāt*.

Bidang Sejarah Perundangan Islam mengandungi prinsip-prinsip sejarah dan sumber-sumber perundangan Islam dari zaman Rasulullah S.A.W, *Khulafā' al-Rāshidīn*, Umayyah, Abbasiyah dan Perundangan Islam di zaman penjajahan Barat.

Bidang *Uṣūl al-Fiqh* menghuraikan konsep dan prinsip yang berkaitan dengan *'Ilm Uṣūl al-Fiqh*, dalil-dalil yang disepakati dan yang tidak disepakati oleh *ulamā'* sebagai hujah dalam sumber perundangan Islam.

⁶¹. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (2006), *Buku Panduan Kursus Peningkatan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah*, c. 1. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 1

Bidang *Ayat* dan *Ḥadīth Ḥukm* membicarakan tentang cara *Fukahā*’ mengeluarkan hukum daripada beberapa *ayat* dan *hadith* tertentu serta kaedah-kaedah yang berkaitan.

Bidang *Fiqh* menerangkan peraturan ibadah haji, sembelihan, korban, ‘aqīqah, pengenalan sistem *mu‘āmalat* dalam Islam, *munākahāt* dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, peranan Mahkamah *Shar‘iyyah* di Malaysia, konsep kehakiman dalam Islam dan organisasinya.⁶²

Sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah terbahagi kepada dua bahagian iaitu sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah tingkatan empat dan sukatan pelajaran Pendidikan Syariah tingkatan lima.

2.3.1 Sukatan Pelajaran PSI Tingkatan Empat⁶³

Sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) tingkatan 4 mengandungi lima bidang iaitu ‘*Aqīdah*, *Uṣūl al-Fiqh*, *Ayat Ḥukm*, *Ḥadīth Ḥukm* dan *Fiqh*. Terdapat 30 tajuk kesemuanya. Tajuk-tajuk tersebut sepertimana berikut :

Jadual 2.2: Sukatan Pelajaran PSI Tingkatan 4

Bidang	Tajuk
‘ <i>Aqīdah</i>	1. Iman <i>Fiṭrah</i> Manusia 2. Peranan Iman 3. Islam Sebagai <i>al-Dīn</i> Yang Membawa Rahmat

⁶². *Ibid.*, h. 4-5.

⁶³. Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 4*, c. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. vi-vii.

	<p>4. Kejadian Manusia Bukti Kewujudan Allah</p> <p>5. Kejadian Alam Tanda Kekuasaan Dan Kebijaksanaan Allah</p>
<i>Uşūl al-Fiqh</i>	<p>6. Pengenalan 'Ilm <i>Uşūl al-Fiqh</i></p> <p>7. <i>Ḥukm Syara'</i></p> <p>8. Dalil-dalil <i>Ḥukm Syara'</i></p> <p>9. Dalil-dalil Hukum Yang Tidak Disepakati</p>
<i>Ayat Ḥukm</i>	<p>10. <i>Rukhṣah Tayamum</i></p> <p>11. <i>Qiyām al-Layl</i></p> <p>12. Puasa Ramadan</p> <p>13. Adab Pergaulan Dalam Rumah</p> <p>14. Memelihara <i>Ukhuwwah Islāmiyyah</i></p> <p>15. Memberi <i>Nasab</i> Anak Angkat</p>
<i>Ḥadīth Ḥukm</i>	<p>16. Mengubah Ciptaan Allah</p> <p>17. Syak Dalam Solat</p> <p>18. <i>Waṣiat</i></p> <p>19. Memberi Dan Menjawab Salam</p>
<i>Fiqh</i>	<p>20. Sejarah Ibadah Haji</p> <p>21. <i>Manāsik</i> Haji</p> <p>22. Pelaksanaan Haji</p> <p>23. <i>Niyābah</i> Dalam Haji</p>

	24. Pengurusan Haji Di Malaysia 25. Sembelihan 26. Korban 27. <i>'Aqīqah</i> 28. <i>Mu'amalat</i> Dalam Islam 29. Pengenalan <i>Mu'amalat</i> Dalam Islam 1 30. Pengenalan <i>Mu'amalat</i> Dalam Islam 2
--	---

Sumber: Buku Teks PSI Tingkatan 4

2.3.2 Sukatan Pelajaran PSI Tingkatan Lima ⁶⁴

Manakala dalam sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) tingkatan 5 pula terdapat enam bidang iaitu *'Aqīdah*, Sejarah Perundangan Islam, *Uṣūl al-Fiqh*, *Ayat Ḥukm*, *Ḥadīth Ḥukm* dan *Fiqh*. Kesemuanya mengandungi 27 tajuk. Tajuk-tajuk yang terkandung dalam sukatan pelajaran tingkatan 5 sepertimana berikut :

Jadual 2.3: Sukatan Pelajaran PSI Tingkatan 5

Bidang	Tajuk
<i>'Aqīdah</i>	1. Dosa, Pahala Dan Bahagiannya 2. Iman Boleh Bertambah Dan Berkurang 3. <i>Ma'rifat Allah</i> Dan <i>Taqīd</i> 4. <i>Af'āl Allah</i> Dan <i>Af'āl al-'Ibād</i>

⁶⁴. Kementerian Pendidikan Malaysia (2003), *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 5*, c. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. vi.

	<p>5. Sejarah Perkembangan <i>'Ilm Kalām</i></p> <p>6. Ayat Dan <i>Ḥadīth Mutashābihāt</i></p>
<p>Sejarah Perundangan Islam</p>	<p>7. Prinsip-prinsip Perundangan Islam Dan Perkembangannya</p> <p>8. Perundangan Islam Pada Zaman Penjajahan Barat</p>
<p><i>Uṣūl al-Fiqh</i></p>	<p>9. <i>'Ām</i> Dan <i>Khāṣ</i></p> <p>10. <i>Muṭlaq</i> Dan <i>Muqayyad</i></p> <p>11. <i>Nasakh</i></p>
<p><i>Ayat Ḥukm</i></p>	<p>12. Berbakti Kepada Ibu Bapa</p> <p>13. Pengurusan Harta Anak Yatim</p> <p>14. Peperangan Dalam Islam</p> <p>15. Membunuh Tanpa Sengaja</p>
<p><i>Ḥadīth Ḥukm</i></p>	<p>16. Arak</p> <p>17. Zina</p> <p>18. Membunuh Diri</p> <p>19. Berkelakuan Ganas Dan Pendedahan Aurat</p> <p>20. Harta <i>Waqaf</i></p>
<p><i>Fiqh</i></p>	<p>21. Perkahwinan</p> <p>22. Tanggungjawab Suami Isteri</p> <p>23. Pembubaran Perkahwinan</p>

	<p>24. <i>Nushūz, Zihār</i> Dan Poligami</p> <p>25. Peranan Mahkamah <i>Shar‘iyyah</i> Di Malaysia</p> <p>26. Konsep Kehakiman Dalam Islam</p> <p>27. Jenayah Dalam Islam</p>
--	---

Sumber: Buku Teks PSI Tingkatan 5

2.3.3 Sejarah Awal PSI Di SMK Tun Perak

Pada tahun 1998 Kelas Aliran Agama (KAA) telah diwujudkan di SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Pengambilan pelajar pertama untuk sesi pembelajaran tingkatan 4 ialah seramai 23 orang. Melalui Kelas Aliran Agama ini, SMK Tun Perak telah menawarkan kepada pelajar peringkat SPM pakej mata pelajaran elektif Pengajian Islam iaitu Pendidikan Syariah Islamiah (PSI), Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (PQS) dan Bahasa Arab Tinggi (BAT). Sebelum diwujudkan KAA pelajar Islam SMK Tun Perak hanya mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam (PI).⁶⁵

SMK Tun Perak hanya mempunyai calon bagi mata pelajaran PSI dalam peperiksaan SPM bermula pada tahun 1999. Jumlah keseluruhan pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dalam peperiksaan SPM pada tahun tersebut ialah 23 orang. Pada tahun 2000 jumlah calonnya 29 orang. Seterusnya pada tahun 2001 seramai 30 orang.⁶⁶

⁶⁵. Ustaz Ahmad Jamsari Mahmud, Setiausaha Peperiksaan SMK Tun Perak. Temu bual pada 21 Julai 2010.

⁶⁶. Unit Peperiksaan & Penilaian (1999-2009), *Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia*. Jasin: SMK Tun Perak.

Jumlah calon bagi mata pelajaran PSI semakin meningkat apabila SMK Tun Perak telah dijadikan Kelas Aliran Agama (KAA) sepenuhnya pada tahun 2002. Pada tahun 2002 calonnya 49 orang, 2003 calonnya 90 orang, 2004 calonnya 86 orang, 2005 calonnya 112 orang, 2006 calonnya 98 orang, 2007 calonnya 95 orang, 2008 calonnya 91 orang, 2009 calonnya 87 orang dan pada tahun 2010 seramai 111 orang.⁶⁷

2.4 ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PSI PERINGKAT SPM 1999-2009

Pelajar-pelajar tingkatan 5 dari Kelas Aliran Agama (KAA) SMK Tun Perak telah mengambil mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah untuk peperiksaan SPM bermula dari tahun 1999 sehingga sekarang. Berdasarkan analisis keputusan peperiksaan PSI yang dikeluarkan oleh Unit Peperiksaan & Penilaian SMK Tun Perak bilangan pelajar yang mendapat gred A atau cemerlang tidak ramai. Walau bagaimanapun pencapaian pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap baik.⁶⁸

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, iaitu dari tahun 2002 hingga 2007 pencapaian keputusan peperiksaan SPM Pendidikan Syariah Islamiah bagi beberapa negeri tidak melepasi prestasi pencapaian peringkat Nasional iaitu 99 peratus lulus secara keseluruhannya dan tahap cemerlang (1A-2A) masih tidak melepasi 20%. Terdapat calon yang mengambil mata pelajaran ini berada ditahap sederhana (3B-8E) dan gagal (9G).⁶⁹

⁶⁷. *Ibid.*

⁶⁸. *Ibid.*

⁶⁹. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (2008), *Panduan Kursus Perealisasian Item Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 68-69.

Jadual 2.4: Analisis Keputusan PSI Peringkat SPM Bagi SMK Tun Perak (1999-2009)

MP	THN	BIL	A+	A	A-	B+	B	C+	C	D	E	G	LULUS	GPMP	BEZA
P S I P S I	1999	23		3	1	3	3	6	1	5	0	1	22	4.60	-
	2000	29		3	3	2	10	6	2	1	2	0	29	4.13	0.47
	2001	30		0	5	3	7	8	5	0	2	0	30	4.43	-0.30
	2002	49		0	4	15	24	6	0	0	0	0	49	3.65	0.78
	2003	90		11	28	33	11	7	0	0	0	0	90	2.72	0.93
	2004	86		1	17	32	22	11	3	0	0	0	86	3.40	-0.68
	2005	112		2	36	49	21	4	0	0	0	0	112	2.90	0.50
	2006	98		3	5	19	28	18	14	5	5	1	97	4.49	-1.59
	2007	95		7	6	25	20	22	10	3	2	0	95	4.01	0.48
	2008	91		40	26	13	8	4	0	0	0	0	91	2.01	2.00
	2009 ⁷⁰	87	3	1	20	14	15	20	11	2	1	0	87	3.80	-1.79

Sumber: Unit Peperiksaan & Penilaian SMK Tun Perak, Jasin, Melaka

⁷⁰. Pada tahun 2009 Kementerian Pelajaran Malaysia telah membuat satu sistem pemarkahan baru untuk peperiksaan SPM iaitu A+, A, A-, B+, B, C+, C, D, E, G. Sebelum tahun 2009 gred tertinggi ialah A sahaja.

2.4.1 Kedudukan Keputusan Peperiksaan PSI Di Negeri Melaka

Bilangan sekolah menengah di negeri Melaka yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) dalam peperiksaan SPM pada tahun 2008 ialah 13 buah sekolah. Pada tahun 2009 bilangannya meningkat kepada 14 buah sekolah. Kategori sekolah yang terlibat termasuklah SBPI, SMKA, SABK dan KAA.⁷¹

Jadual 2.5: Kedudukan Keputusan Peperiksaan PSI Di Negeri Melaka

Bil	Nama Sekolah	SPM 2008		SPM 2009	
		GPMP	Kedudukan	GPMP	Kedudukan
1	SBPI Selandar	1.03	1	0.85 ⁷²	1
2	SMKA Sharifah Rodziah	3.04	3	2.55	2
3	SMKA Sultan Muhammad	4.19	5	3.33	4
4	SMK Tun Perak	2.01	2	3.80	7
5	SMK Munshi Abdullah	4.53	7	3.72	6
6	SMK Sultan Alauddin	5.31	9	2.88	3
7	SMK Bukit Rambai	-	-	6.50	11
8	SM Tahfiz Al-Quran Chenderah	5.84	10	3.71	5
9	SMA (JAIM) Assaiyidah Khadijah	3.86	4	4.39	8
10	SMA (JAIM) Al-Ehya El-Karim	4.47	6	5.35	9
11	SMA (JAIM) Darul Falah	5.06	8	6.63	12

⁷¹. Sektor Penilaian dan Peperiksaan (2008-2009), *Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)*. Melaka: Jabatan Pelajaran Melaka.

⁷². GPMP yang paling kecil adalah yang terbaik.

12	SMA (JAIM) Al-Asyraf	6.00	11	6.42	10
13	SMA (JAIM) Al-Ahmadi	6.08	12	6.75	13
14	SMA (JAIM) Assyakirin	6.42	13	7.63	14

Sumber: Sektor Penilaian Dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Melaka

2.4.2 Kedudukan Keputusan Peperiksaan PSI Di Daerah Jasin

Terdapat 5 buah sekolah menengah di daerah Jasin yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) dalam peperiksaan SPM pada tahun 2008 dan 2009. Kategori sekolah yang terlibat termasuklah SBPI, SABK dan KAA.⁷³

Jadual 2.6: Kedudukan Keputusan Peperiksaan PSI Di Daerah Jasin

Bil	Nama Sekolah	SPM 2008		SPM 2009	
		GPMP ⁷⁴	Kedudukan	GPMP	Kedudukan
1	SBPI Selandar	1.03	1	0.85	1
2	SMK Tun Perak	2.01	2	3.80	3
3	SM Tahfiz Al-Quran Chenderah	5.84	4	3.71	2
4	SMA (JAIM) Assaiyidah Khadijah	3.86	3	4.39	4
5	SMA (JAIM) Assyakirin	6.42	5	7.63	5

Sumber: Sektor Penilaian Dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Melaka

⁷³. Sektor Penilaian dan Peperiksaan (2008-2009), *Analisis Keputusan SPM*. Melaka: Jabatan Pelajaran Melaka.

⁷⁴. Formula untuk menentukan GPMP ialah bilangan (A+) x 0 + (A) x 1 + (A-) x 2 + (B+) x 3 + (B) x 4 + (C+) x 5 + (C) x 6 + (D) x 7 + (E) x 8 + (G) x 9 = jumlah ÷ bilangan pelajar.

2.4.3 Perancangan Peningkatan Kecemerlangan PSI

Pihak Panitia Pendidikan Syariah Islamiah SMK Tun Perak telah menyusun beberapa strategi peningkatan akademik bagi mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) . Aktiviti-aktiviti yang dirangka ini, bertujuan untuk menghasilkan lebih ramai pelajar yang cemerlang dalam mata pelajaran PSI dalam peperiksaan SPM. Di antara strategi-strategi tersebut : ⁷⁵

1. Penyediaan Modul Latihan Tingkatan 4 Dan 5 Pendidikan Syariah Islamiah.
2. Ceramah Teknik Menjawab Soalan SPM.
3. Program Kelas Tambahan Hari Sabtu 2 Kali Sebulan.
4. Program Kelas Bimbingan.
5. Kursus Haji.
6. Program Sembelihan
7. Program Latih Tubi Terancang.
8. Program Pecutan Akhir Selepas Peperiksaan Percubaan SPM.
9. Klinik PSI Dalam Bentuk Program ICC.
10. Pengiktirafan Pelajar Cemerlang.
11. Program Solat Hajat Perdana & Bacaan Yasin.
12. Majlis *Tawdi* ' (Mohon Restu) Calon SPM.

⁷⁵. Panitia Pendidikan Syariah Islamiah (2010), *Perancangan Strategik*. Jasin: SMK Tun Perak, h. 1.

2.5 KESIMPULAN

Matlamat Pendidikan Syariah Islamiah yang berlandaskan *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* adalah untuk membentuk dan melahirkan pelajar yang mengetahui dan memahami *'ulūm Shari'ah* secara lebih mendalam dan berkesan. Pelajar juga dapat menerapkan keistimewaan Islam sebagai satu cara hidup yang sebenar. Hasilnya dapat menjadi seorang muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh, berperibadi mulia dan berupaya menunaikan tanggungjawab sebagai hamba dan *khalifah Allah* yang bertaqwa.

Kemunculan mata pelajaran elektif Pengajian Islam dalam KBSM iaitu Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) jelas lebih mencorak dan merancakkan lagi kesinambungan Pendidikan Islam dalam sistem Pendidikan Kebangsaan. Melalui mata pelajaran PSI ini, pelajar-pelajar didedahkan dengan lebih spesifik dan menyeluruh tentang syariat Islam serta disiplin-disiplin ilmu yang berkaitan dengannya. Syariat Islam diturunkan oleh Allah S.W.T untuk kejahteraan dan kemaslahatan hidup manusia sama ada dalam urusan duniawi mahupun ukhrawi.

BAB KETIGA

PERBENDAHARAAN KATA ARAB DALAM BUKU TEKS PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH

3.1 PENGENALAN

Pada tahun 2000 sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) yang disemak semula telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kurikulum Pusat. Seterusnya pelajar tingkatan 4 telah menggunakan buku teks PSI tingkatan 4 yang baru pada tahun 2003 dan pelajar tingkatan 5 menggunakannya pada tahun 2004 . Pelajar yang akan mengambil peperiksaan SPM menggunakan buku teks PSI sebagai bahan pembelajaran dan sumber rujukan yang penting dalam proses menuntut ilmu. Para pendidik pula menjadikan buku teks ini sebagai salah satu bahan pengajaran yang berkesan dalam penyampaian ilmu pengetahuan dan maklumat kepada para pelajar.

Terdapat banyak bilangan perbendaharaan kata Arab dalam buku teks PSI tingkatan 4 dan tingkatan 5. Para pelajar perlu memahami dan menguasai setiap perbendaharaan kata Arab yang ada dalam sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah tersebut. Penguasaan yang baik akan dapat membantu pelajar mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM. Buku teks Pendidikan Syariah Islamiah yang mengandungi sukatan pelajaran PSI merangkumi bidang *'Aqīdah*, Sejarah Perundangan Islam, *Uṣūl al-Fiqh*, *Ayat Ḥukm*, *Ḥadīth Ḥukm* dan *Fiqh*. Terdapat 57 tajuk kesemuanya. 30 tajuk untuk tingkatan 4 dan 27 tajuk lagi untuk tingkatan 5.

3.2 PERBENDAHARAAN KATA ARAB DALAM BUKU TEKS PSI TINGKATAN 4

Buku teks Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) tingkatan 4 dibahagikan kepada lima bidang yang utama iaitu *'Aqīdah*, *Uṣūl al-Fiqh*, *Ayat Ḥukm*, *Ḥadīth Ḥukm* dan *Fiqh*.⁷⁶ Setiap bidang mempunyai tajuk-tajuk yang telah dikhususkan dan bilangannya sebanyak 30 buah tajuk. Berdasarkan tajuk-tajuk tersebut terdapat banyak perbendaharaan kata Arab yang perlu dipelajari dan difahami dengan baik oleh semua calon peperiksaan SPM. Perbendaharaan kata Arab dalam bidang *'Aqīdah* 40, *Uṣūl al-Fiqh* 106, *Ayat Ḥukm* 36, *Ḥadīth Ḥukm* 29 dan *Fiqh* 86. Jumlah keseluruhannya ialah 297. Perbendaharaan kata Arab tersebut sepertimana berikut :

Jadual 3.1: Perbendaharaan Kata Arab Tingkatan 4

Bidang	Tajuk	Perbendaharaan Kata Arab
'Aqīdah	1. Iman <i>Fiṭrah</i> Manusia	<i>Fiṭrah, Tawḥīd, Iltizām.</i>
	2. Peranan Iman	<i>Taqarrub, Istiqāmah, Amar, Ma'rūf, Nahī, Munkar, Qaḍā', Qadar, Ṣābi'ūn, Naṣrānī, Shuhadā', Jihād, Dhikr Allah, Ḥalāwat al-Īmān.</i>
	3. Islam Sebagai <i>al-Dīn</i> Yang	<i>Kufūr, al-Dīn, Sharī'ah, Darjah.</i>

⁷⁶. Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 4*, c. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.vi-vii.

	Membawa Rahmat	
	4. Kejadian Manusia Bukti Kewujudan Allah	<i>Sunnat Allah, Nutfah, 'Alaqah, Muḍghah, 'Izāmā, Laḥmā, Raḥīm, Khalīfah Allah.</i>
	5. Kejadian Alam Tanda Kekuasaan Dan Kebijaksanaan Allah	<i>'Ilm Falak, al-Samā', al-Ard, al-Ḥabb, al-Nawā, al-Baḥr, al-Shams, al-Qamar, al-Nujūm, al-Layl, al-Nahār.</i>
<i>Uṣūl al-Fiqh</i>	6. Pengenalan <i>'Ilm Uṣūl al-Fiqh</i>	<i>Qā'idah, Syara', Mukalaḥ, Dalīl Taḥṣīlī, Iṣṭilāḥ, Istinbāt, Waḥy, al-Qur'ān, al-Sunnah, al-Ijmā', al-Qiyās, al-Ijtihād, Sabab Nuzūl, Muḥtahid, Tābi'īn, Tābi' Tābi'īn, Hijriyyah, Masīḥiyyah, Dalīl Syara', Ḥukm Kullī, Dilālah, Ta'arud, Tarjih, Ṭarīqat al-Mutakallimīn, Ṭarīqah Shafi'iyyah, Ṭarīqat al-Aḥnāf, Ṭarīqat al-Fuqahā', Ṭarīqat al-Muta'akhirīn, Dalīl Naqlī, Dalīl 'Aqlī.</i>

	<p>7. <i>Ḥukm Syara'</i></p>	<p><i>Khiṭāb Allah, Iqtidā', Takhyir, Waḍ'ī, Munākaḥāt, Jināyāt, Jazm, Ghayr Jazm, Fi'l al- Amr, Sabab, Sharṭ, Māni', Ḥukm Taklīfī, Ḥukm Waḍ'ī, Ījāb, Nadb, Tahrim, Karāhah, Ibāḥah, Ṣaḥīḥ, Bāṭil, Ḥadīth Mutawātir, Ḥadīth Aḥād, Qaṭ'ī, Ḍanni, Wājib 'Aynī, Wājib Kifā'ī, Rukḥṣah, 'Azimah.</i></p>
	<p>8. <i>Dalil-dalil Ḥukm Syara'</i></p>	<p><i>Adillah, al-Aḥkam, al-Shar'iyyah, Maṣlaḥah, Ḥukm I'tiqād, Ḥukm 'Amalī, Makkiyyah, Madaniyyah, al-Sunnah al-Qawliyyah, al-Sunnah al-Fi'liyyah, al-Sunnah al-Taqririyyah, Dobb, al-Ṣarīḥ, al-Sukūti, Jumhūr Ulamā', Ahl al-Ijmā', Ijmā' al-Khulafā' al-Rāshidīn, Ijmā' Ahl al-Bayt, Ijmā' Ahl al-Madīnah, Ijmā' al-Ulamā', I'tibār, al-Aṣl, al-Far', al-'Illah, Ḥukm al-Aṣl, Nabīdh, Naṣṣ.</i></p>

	9. Dalil-dalil Hukum Yang Tidak Disepakati	<i>Al-Istihsān, al-Maṣāliḥ al-Mursalah, al-Istiḥāb, Sadd al-Dharāi‘, Qawl al-Ṣaḥābī, ‘Amal Ahl al-Madīnah, Shar‘ Man Qablanā, al-‘Urf wa al-‘Ādat, Khafī, Jalī, al-Istiṣlāḥ, al-Ḍarūriyyāt, al-Ḥājiyyāt, al-Kamāliyyāt, Ṣolāh Jahriyyah, Qā‘idah Fihiyyah, al-‘Adat Muḥakkamah, ‘Urf Ṣaḥīḥ, ‘Urf Fāsīd, Maḥram.</i>
<i>Ayat Ḥukm</i>	10. <i>Rukḥṣah Tayamum</i> 11. <i>Qiyām al-Layl</i> 12. <i>Puasa Ramadan</i>	<i>Maṣḥaf, Ḥadath, Ṣa‘īdan, Muwālāh.</i> <i>Munājāh, Muḥāsabah, Qurrata A‘yun, Umm al-Mu‘minīn, Ṣawwāmah, Qawwāmah.</i> <i>Fidyah, Fi‘l al-Muḍāri‘, Lām al-Amr, Ru‘yat al-Hilāl, Ḥisāb, Qaṣar.</i>

	13. Adab Pergaulan Dalam Rumah	<i>Zahīrah, Ihtilām, Fuqahā’, Şillat al-Rahim, Baytī Jannatī.</i>
	14. Memelihara <i>Ukhuwwah Islāmiyyah</i>	<i>Lā Yaskhar, Lā Talmizū, Lā Tanābazū, al-Zann, Lā Tajassasū, Lā Yaghtab, al-Ghibah, al-Ifk, al-Buhtān, Fāsiq.</i>
	15. Memberi <i>Nasab</i> Anak Angkat	<i>Nasab, Ta’zīm, Mawlā, Salsīlah, Ajnabī.</i>
<i>Ḥadith Ḥukm</i>	16. Mengubah Ciptaan Allah	<i>al-Ḥinā’, al-Katam, al-Wāshimāt, al-Mutanammişāt.</i>
	17. Syak Dalam Solat	<i>Rukūn Fi’lī, Rukūn Qawlī, Sujūd Sahwī, Sujūd Tilāwah, Sujūd Shukūr, Sunat Ab’ād.</i>
	18. <i>Waşiat</i>	<i>al-Muşī, al-Muşā lah, al-Muşā bih, al-Ījāb wa al-Qabūl, Lafaz Şarīh, Lafaz Kināyah, Ahliyyat al-Taşarruf, Aşhāb al-furūd, Ahl al-’Aşabāt, Muwarrith, Waqaf,</i>

	19. Memberi Dan Menjawab Salam	<i>Hibah, 'Atiyyah.</i> <i>al-Salām, Sunat Mū'akkad, Farḍ Kifāyah, Talbiyah, Tasbīh, Ahl Kitāb.</i>
<i>Fiqh</i>	20. Sejarah Ibadah Haji 21. <i>Manāsik</i> Haji	<i>Bayt Allah, Bayt al-Maqdis, Siqāyah, Sidānah, Rifādah, Futūh al-Makkah.</i> <i>Manāsik, Mumayyiz, Wuqūf, Ṭawāf, Sa'ī, Ihrām, Ṭawāf Ifādah, Ṭawāf Qudūm, Ṭawāf Sunat, Ṭawāf Widā', Istilām, Iqṭibā', Raml, Taḥallul Awwal, Taḥallul Thāni, Muqaddimat al-Jimā', Mabīṭ, Miqāt Zamānī, Miqāt Makānī, Nafar Awwal, Nafar Thāni, al-Jamrah al-Ūlā, al-Jamrah al-Wuṣṭā, Jamrat al-'Aqabah.</i>
	22. Pelaksanaan Haji	<i>Haj Ifrād, Haj Tamattu', Haj Qirān, Dam Tartīb, Dam Taqdīr, Dam Ta'dīl, Dam Takhyīr, Iḥṣār,</i>

		<i>Sum'ah.</i>
	23. <i>Niyābah</i> Dalam Haji	<i>Niyābah, Ulamā' Mutaqaddimūn, Ulamā' Muta'akhirūn, Nā'ib Haj.</i>
	24. Pengurusan Haji Di Malaysia	<i>Dam, Risālah, Istiṭā'ah.</i>
	25. Sembelihan	<i>Ḥalqūm, Marī', Ḥayāh Mustaqirrah, al-Wadajān, Ikhtiyārī, Idṭirārī.</i>
	26. Korban	<i>al-An'ām, Sunat Kifāyah, Kībash.</i>
	27. 'Aqīqah	<i>al-Murtahin, Shafā'ah, Tabarru', Tahnik.</i>
	28. <i>Mu'āmalat</i> Dalam Islam	<i>Mu'āmalat, Takāful, Sāham, al-Bay' Bithaman Ājil.</i>
	29. Pengenalan <i>Mu'āmalat</i> Dalam Islam 1	<i>'Aqad, Khiyār Majlis, Khiyār Shart, Khiyār 'Ayb, Bay' al-Salam, al-Muslim, al-Muslam 'Alaih, al-Muslam, al-Muslam Fih, Ṣīghah.</i>

	<p>30. Pengenalan <i>Mu‘āmalat</i> Dalam Islam 2</p>	<p><i>Imlāk, ‘Uqūd, ‘Inān, Mufāwāḍah, Wujūh, Abdān, al-Muḍārabah, Ṣāhib al-Māl, Ṣāhib al-‘Amal, al-Muḍārib, Ra’s al-Māl, Rahn, Wadī‘ah.</i></p>
--	--	---

Sumber: Buku Teks PSI Tingkatan 4

3.3 PERBENDAHARAAN KATA ARAB DALAM BUKU TEKS PSI TINGKATAN 5

Buku teks Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) tingkatan 5 mengandungi enam bidang yang utama iaitu *'Aqīdah*, Sejarah Perundangan Islam, *Uṣūl al-Fiqh*, *Ayat Ḥukm*, *Ḥadīth Ḥukm* dan *Fiqh*.⁷⁷ Terdapat 27 tajuk daripada enam bidang tersebut. Setiap perbendaharaan kata Arab perlu dikuasai dan difahami dengan sebaiknya oleh para pelajar. Perbendaharaan kata Arab dalam bidang *'Aqīdah* ialah 50, Sejarah Perundangan Islam 18, *Uṣūl al-Fiqh* 46, *Ayat Ḥukm* 34, *Ḥadīth Ḥukm* 70 dan *Fiqh* 72. Jumlah keseluruhannya sebanyak 290. Perbendaharaan kata Arab tersebut adalah sepertimana berikut :

Jadual 3.2: Perbendaharaan Kata Arab Tingkatan 5

Bidang	Tajuk	Perbendaharaan Kata Arab
'Aqīdah	1. Dosa, Pahala Dan Bahagiannya	<i>al-Khaṭī'ah</i> , <i>al-'Iṣyān</i> , <i>al-Fasād</i> , <i>al-Dhanb</i> , <i>al-Sayyi'ah</i> , <i>al-Ithm</i> .
	2. Iman Boleh Bertambah Dan Berkurang	<i>Ahl Fiqh</i> , <i>Ahl Ḥadīth</i> , <i>Farḍ 'Ayn</i> , <i>Qadīm</i> , <i>Bid'ah</i> .
	3. <i>Ma'rifat Allah</i> Dan <i>Taqlīd</i>	<i>Ma'rifat Allah</i> , <i>Tawhīd al-Rubūbiyyah</i> , <i>Tawhīd al-Ulūhiyyah</i> , <i>Tawhīd al-Asmā' wa al-Ṣifāt</i> , <i>'Ujūb</i> , <i>Taqlīd</i> , <i>Dhāt Allah</i> , <i>Awwal</i>

⁷⁷. Kementerian Pendidikan Malaysia (2003), *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 5*, c. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. vi.

	<p>4. <i>Af'āl Allah Dan Af'āl al'Ibād</i></p> <p>5. Sejarah Perkembangan 'Ilm Kalām</p> <p>6. Ayat dan Ḥadīth Mutashābihāt</p>	<p><i>al-Dīn.</i></p> <p><i>Af'āl Allah, Af'āl al'Ibād, Ijbāri, Miḥnah, Qaḍā' Mubram, Qaḍā' Mu'allaq.</i></p> <p><i>'Ilm Kalām, 'Ilm Uṣūl al-Dīn, 'Ilm Manṭiq, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, Syiah, Khawārij, al-Ashā'irah, Mu'tazilah, Qadariyyah, Jabariyyah, Murji'ah, Tahkīm, Hujjat al-Islām.</i></p> <p><i>Ayat Mutashābihāt, Ḥadīth Mutashābihāt, Ulamā' Salaf, Ulamā' Khalaf, Ta'wīl, Ayat Muḥakamāt, Yad Allah, Wajh Rabbik, Istiwā', Yanzil Rabbinā, Allah Afrah, Yamīn Allah.</i></p>
<p>Sejarah Perundangan Islam</p>	<p>7. Prinsip-prinsip Perundangan Islam Dan Perkembangannya</p>	<p><i>al-'Adālah, 'Adam al-Ḥaraj, Qillat al-Takālīf, al-Tadarruj Fi al-Tashrī', al-Shumūl, Thabāt, Murūnah, Khilāf, Sanad, Matan,</i></p>

	8. Perundangan Islam Pada Zaman Penjajahan Barat	<i>Madrasat al-Ra'y, Aṣḥāb al-Sunan, Muṣṭalah Ḥadīth, Fuqahā' Ṣaḥābah, Ukhrawī. Qānūn, 'Iddah, Qadhaf.</i>
<i>Uṣūl al-Fiqh</i>	9. 'Ām Dan Khāṣ	<i>al-Rijāl, al-Sāriq, al-Fāz al-Jumū', Kull, Jamī', 'Āmmah, Kāffah, Ma'rifah, Ali Lam al-Istighrāqiyyah, Idāfah, Lafaz Mufrad, Maytatuh, Mā'uh, Isim Nakirah, Nafī, Nahī, Lā Ikrāh, Lā Tuṣall, Isim Mawṣūl, Isim Shart, Isim Istifhām, al-Muṭallaqāt, al-Ḥill, Takhṣīṣ, al-Hissī, al-Mushāhadah, Qullatayn, Ghalab, Ṭa'muh, Lawnuh, Rīhuh.</i>
	10. Muṭlaq Dan Muqayyad	<i>Muṭlaq, Muqayyad, Azwājā, Shahrāyn Mutatābi'ayn, Raqabat, Dam Masfūh.</i>
	11. Nasakh	<i>Nasakh, al-Rafath, Libās, Raḍa'āt,</i>

		<i>al-Shaykh, al-Shaykhah, Maḥmūdah, Madhmūmah, Ṣurifat.</i>
<i>Ayat Ḥukm</i>	12. Berbakti Kepada Ibu Bapa	<i>Ḥayāh, Qaḍā, Falā Taqul, Walā Tanhar, Lā al-Nāhiyah, ‘Uqūq al-Wālidayn, Iḥsānā, Birr.</i>
	13. Pengurusan Harta Anak Yatim	<i>Al-Sufahā’, Amwālakum, Amwālahum, Lā Tu’tū, Lā Ta’kulūhā, Isrāfā, Bidārā, Fa’ashhidū.</i>
	14. Peperangan Dalam Islam	<i>Ṣawāmi’, Biya’, Manjanīq, Uzina, Diyārihim, Fi’l al-Mādī Lilmajhūl, al-Jizyah, al-Ṣibyān, Yanṣurkum.</i>
	15. Membunuh Tanpa Sengaja	<i>Kafārah, Kāfir Zimmī, Kāfir Ma’āhad, Kāfir Musta’mān, Kāfir Harbī, ‘Amd, Shibh ‘Amd, Ghayr ‘Amd, Illā Khaṭa’ā.</i>
<i>Ḥadīth Ḥukm</i>	16. Arak	<i>Khamr, Sukārā, ‘Āṣirahā, Mu’taṣirahā, Shāribahā, Ḥāmilahā, al-Maḥmūlata Ilayh,</i>

		<p><i>Saqiyahā, Bā'i'ahā, Akila</i></p> <p><i>Thamanihā, al- Mushtariya Lahā,</i></p> <p><i>al-Mushtarāta Lah, La'ana, al-</i></p> <p><i>'Inab, al-Tamr, al-'Asal, al-</i></p> <p><i>Ḥiṭṭah, al-Sha'ir.</i></p>
	17. Zina	<p><i>Shubhah, Muḥṣan, Ghayr Muḥṣin,</i></p> <p><i>al-Zānī, al-Zāniyah, al-Bikr, al-</i></p> <p><i>Thaiyyib, Jald, Farajamah.</i></p>
	18. Membunuh Diri	<p><i>Taraddā, Jabal, Tahassā, Summā,</i></p> <p><i>Qatal, Nafsah, Biḥadīdah,</i></p> <p><i>Khālidā, Mukhalladā, Lā Tulqū,</i></p> <p><i>Lā Taqnaṭu, Lā Taqtulū.</i></p>
	19. Berkelakuan Ganas Dan Pendedahan Aurat	<p><i>Ṣinfān, Ahl al-Nār, Lam Arahumā,</i></p> <p><i>Siyāt, Adhnāb, al- Baqar, Nisā'</i></p> <p><i>Kāsiyāt, 'Āriyāt, Asnimah, al-</i></p> <p><i>Bukht, Lā Yadkhuln.</i></p>
	20. Harta Waqaf	<p><i>Ḥabbas, Lā Yubā', Lā Yubtā', Lā</i></p> <p><i>Yūrath, Lā Yūhab, Lā Junāḥ,</i></p> <p><i>Yuṭ'im, 'Ayn, al-Riqāb, Sabīl</i></p> <p><i>Allah, Ibn al-Sabīl, al-Ḍayf, Wāqif,</i></p>

		<i>Mawqūf ‘Alayh, Mawqūf, Nāzir, Waqaf ‘Ām, Waqaf Khās, Waqaf Zūriat, Jāriah</i>
<i>Fiqh</i>	21. Perkahwinan	<i>Safīh, Tazwīj, Walī Mujbir, Walī Aqrab, Walī Ab‘ad, Walī Ḥākim, Khiṭbah, Limālihā, Liḥasabihā, Lijamālihā, Lidīnihā, Mu‘abbad, Mu‘aqqat, al-Muṣāharah, Mahar Mithl, Mahar Musammā.</i>
	22. Tanggungjawab Suami Isteri	<i>Haq al-Istimtā‘, Mawlūd, Yūlad, Kiswah, Mut‘ah, Nikāḥ Mut‘ah, Ḥaḍānah, Kafalah.</i>
	23. Pembubaran Perkahwinan	<i>Fasakh, Khulu‘, Nifās, Ṭalāk Raj‘ī, Ṭalāk Bā‘in Sughrā, Ṭalāk Bā‘in Kubrā, Wilāyah, Qaşad, Ṭalāk Sunnī, Ṭalāk Bid‘ī, Kayfiat Rujū‘, ‘Iddah Qurū‘, Haq Nasab, Li‘ān.</i>
	24. <i>Nushūz, Zihār</i> Dan Poligami	<i>Nushūz, Zihār, al-Zahr, Fataḥrīr Raqabah, Faṣiyām, Faiṭ‘ām, al-Wadūd.</i>

	<p>25. Peranan Mahkamah <i>Shar‘iyyah</i> Di Malaysia</p> <p>26. Konsep Kehakiman Dalam Islam</p> <p>27. Jenayah Dalam Islam</p>	<p><i>Māl, Firāq, Mariḍ al-Mawt, Faṣal.</i></p> <p><i>al-Quḍā’, Mansūkh, Mujmal, Khaṣīmā, Qawwāmūn, Faddl.</i></p> <p><i>Ḥudūd, Qiṣāṣ, Ta‘zīr, Kutib, al-Qatlā, Ḥirābah, Bughāh, Diat, Iqrār, Shahādah, Qarīnah, al-Yamīn, al-Jurūḥ, al-Ṣulḥ, Lā Tushrikū, Lā Taznū, Lā Tasriqū.</i></p>
--	--	--

Sumber: Buku Teks PSI Tingkatan 5

3.4 KESIMPULAN

Penguasaan pelajar terhadap sesuatu bidang dalam Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) adalah berbeza kerana pelajar-pelajar lebih berminat kepada bidang pengajian yang berbentuk fakta, praktikal dan tidak memerlukan pemikiran yang tinggi. Kesukaran untuk memahami perbendaharaan kata Arab yang kompleks dan abstrak menyebabkan pelajar menghadapi masalah semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Kegagalan guru untuk memberikan penjelasan yang baik dan mantap juga telah menyebabkan pengajaran guru tidak menarik dan pelajar tidak dapat memahami apa yang dipelajarinya.

Kesepaduan di antara pengajaran guru dan penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata Arab dalam buku teks Pendidikan Syariah Islamiah tingkatan 4 dan 5 dapat meningkatkan kemampuan sistem pendidikan untuk memenuhi keperluan semasa dan cabaran akan datang. Sistem pendidikan yang berwibawa ini ternyata mampu menangani isu-isu dan masalah-masalah yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan seterusnya memantapkan lagi tahap penguasaan perbendaharaan kata Arab di kalangan pelajar.

BAB KEEMPAT

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini bertujuan untuk melihat tahap penguasaan perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah di kalangan pelajar tingkatan 5 SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Selain daripada itu, bab ini juga akan melaporkan perolehan data yang dikumpulkan hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Segala maklumat yang diperolehi telah dianalisis dan dikemukakan sebagai hasil kajian. Bagi mengukuhkan hasil kajian, pengkaji telah memilih SMK Tun Perak, Jasin, Melaka sebagai sampel untuk mendapatkan maklumat dan data yang dikehendaki. Kesemua responden terdiri daripada 97 orang pelajar tingkatan lima dan 4 orang guru Pendidikan Syariah Islamiah.

4.2 ANALISIS HASIL KAJIAN

4.2.1 Responden Daripada Para Pelajar

Seramai 97 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Kesemuanya adalah pelajar SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Mereka merupakan pelajar tingkatan 5A1, 5A2, 5A3, 5A4 dan 5A5. Berdasarkan maklumat daripada data-data yang dikumpulkan, pengkaji akan menjelaskan hasil kajian kepada lima bahagian. Pertama latar belakang responden, kedua latar belakang pembelajaran Pendidikan Syariah Islamiah responden, ketiga penguasaan responden terhadap perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah, keempat hasil kajian terhadap responden daripada kalangan pelajar dan kelima cadangan untuk pelajar menguasai perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah.

4.2.1.1 Latar Belakang Responden


4.2.1.1.1 Jantina

Jadual 4.1: Jantina

Tingkatan	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
5A1	2 13.3%	13 86.7%	15 100.0%
5A2	4 25.0%	12 75.0%	16 100.0%
5A3	12 48.0%	13 52.0%	25 100.0%
5A4	10 47.6%	11 52.4%	21 100.0%
5A5	8 40.0%	12 60.0%	20 100.0%
Jumlah	36 37.1%	61 62.9%	97 100.0%

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Bar 4.1: Jantina



Sumber: Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual (1) dan carta bar (1) di atas, didapati bahawa responden tingkatan 5A1 merupakan 2 orang (13.3%) pelajar lelaki dan 13 orang (86.7%) pelajar perempuan, 5A2 merupakan 4 orang (25.0%) pelajar lelaki dan 12 orang (75.0%) pelajar perempuan, 5A3 merupakan 12 orang (48.0%) pelajar lelaki dan 13 orang (52.0%), 5A4 merupakan 10 orang (47.6%) pelajar lelaki dan 11 orang (52.4%) pelajar perempuan.

Responden tingkatan 5A5 merupakan 8 orang (40.0%) pelajar lelaki dan 12 orang (60.0%) pelajar perempuan. Justeru itu, bilangan pelajar perempuan lebih ramai daripada bilangan pelajar lelaki yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah di setiap kelas. Jumlah keseluruhan pelajar perempuan tingkatan 5 SMK Tun Perak ialah 61 orang (62.9%) dan pelajar lelaki pula ialah 36 orang (37.1%).


4.2.1.1.2 Tempat Tinggal

Jadual 4.2: Tempat Tinggal

Tingkatan	Tempat Tinggal		Jumlah
	Asrama	Rumah	
5A1	7 46.7%	8 53.3%	15 100.0%
5A2	10 62.5%	6 37.5%	16 100.0%
5A3	10 40.0%	15 60.0%	25 100.0%
5A4	16 76.2%	5 23.8%	21 100.0%
5A5	12 60.0%	8 40.0%	20 100.0%
Jumlah	55 56.7%	42 43.3%	97 100.0%

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Bar 4.2: Tempat Tinggal



Sumber: Borang Soal Selidik

Berpandukan jadual (2) dan carta bar (2) di atas, menunjukkan bahawa responden tingkatan 5A1 seramai 7 orang (46.7%) tinggal di asrama dan 8 orang (53.3%) tinggal di rumah. Tingkatan 5A2 seramai 10 orang (62.5%) tinggal di asrama dan 6 orang (37.5%) tinggal di rumah. Tingkatan 5A3 seramai 10 orang (40.0%) tinggal di asrama dan 15 orang (60.0%) tinggal di rumah. Tingkatan 5A4 seramai 16 orang (76.2%) tinggal di asrama dan 5 orang (23.8%) tinggal di rumah.

Manakala 5A5 pula 12 orang (60.0%) tinggal di asrama dan 8 orang (40.0%) tinggal di rumah. Bilangan responden yang tinggal di asrama dengan bilangan responden yang tinggal di rumah tidak sama di setiap kelas. Secara keseluruhannya, bilangan responden

yang tinggal di asrama seramai 55 orang (56.7%) mengatasi bilangan responden yang tinggal di rumah seramai 42 orang (43.3%) sahaja.

Responden yang tinggal di asrama mempunyai masa yang cukup untuk mengulang kaji dan menumpukan perhatian kepada pelajaran. Jadual pembelajaran mereka telah disusun oleh pihak pengurusan asrama dan dipantau oleh warden bertugas. Waktu mengulang kaji pelajaran ditetapkan dua kali sehari iaitu pada waktu petang selepas sesi persekolahan dan pada waktu malam selepas solat Isyak. Mereka sewajarnya menggunakan masa dan kemudahan yang disediakan untuk menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran.


4.2.1.1.3 Pendidikan Akademik Bapa/Penjaga

Jadual 4.3: Pendidikan Akademik Bapa/Penjaga

Tingkatan	Pendidikan Akademik Bapa/Penjaga					Jumlah
	Sekolah rendah	Sekolah menengah	Sekolah pondok	Maktab / Kolej	Universiti	
5A1	3 20.0%	6 40.0%	0 .0%	2 13.3%	4 26.7%	15 100.0%
5A2	2 13.3%	7 46.7%	0 .0%	2 13.3%	4 26.7%	15 100.0%
5A3	2 8.0%	17 68.0%	0 .0%	1 4.0%	5 20.0%	25 100.0%
5A4	1 4.8%	10 47.6%	1 4.8%	3 14.3%	6 28.6%	21 100.0%
5A5	0 .0%	8 40.0%	1 5.0%	3 15.0%	8 40.0%	20 100.0%
Jumlah	8 8.3%	48 50.0%	2 2.1%	11 11.5%	27 28.1%	96 100.0%

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Bar 4.3: Pendidikan Akademik Bapa/Penjaga



Sumber: Borang Soal Selidik

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Baik	2	50.0	50.0	50.0
Sangat Baik	2	50.0	50.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.13: Kesesuaian Sukatan Pelajaran PSI Dengan Perkembangan Semasa



Sumber: Borang Soal Selidik

Berbandukan jadual (62) dan carta pai (13) di atas, didapati bahawa 2 orang (50.0%) responden bersetuju kesesuaian sukatan pelajaran PSI dengan perkembangan semasa pada tahap baik dan 2 orang (50.0%) bersetuju pada tahap sangat baik. Justeru itu, responden yang bersetuju tentang kesesuaian sukatan pelajaran PSI dengan perkembangan semasa adalah sama ramai di antara tahap baik dengan tahap sangat baik iaitu 2 orang (50.0%).


4.2.2.2.7 Penggunaan ABM

Jadual 4.64: Penggunaan ABM

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Baik	4	100.0	100.0	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.14: Penggunaan ABM



Sumber: Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual (63) dan carta pai (14) di atas, menjelaskan bahawa 4 orang (100.0%) responden semuanya menyatakan tahap penggunaan ABM dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah baik.


4.2.2.2.8 Minat Guru Terhadap PSI

Jadual 4.65: Minat Guru Terhadap PSI

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Sangat Baik	2	50.0	50.0	50.0
Cemerlang	2	50.0	50.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.15: Minat Guru Terhadap PSI



Sumber: Borang Soal Selidik

Merujuk kepada jadual (64) dan carta pai (15) di atas, menjelaskan bahawa 2 orang (50.0%) responden berpandangan minat guru terhadap PSI pada tahap sangat baik dan 2 orang lagi (50.0%) responden berpandangan pada tahap cemerlang. Sehubungan dengan itu, responden yang bersetuju minat guru terhadap PSI pada tahap sangat baik sama dengan responden yang bersetuju pada tahap cemerlang iaitu 2 orang (50.0%).


4.2.2.2.9 Reaksi Pelajar Semasa Pengajaran PSI

Jadual 4.66: Reaksi Pelajar Semasa Pengajaran PSI

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Sangat Baik	4	100.0	100.0	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.16: Reaksi Pelajar Semasa Pengajaran PSI



Sumber: Borang Soal Selidik

Maklumat daripada jadual (65) dan carta pai (16) di atas, menunjukkan bahawa 4 orang (100.0%) responden semuanya memilih reaksi pelajar semasa pengajaran PSI adalah pada tahap sangat baik.


4.2.2.2.10 Tahap Pencapaian Pelajar

Jadual 4.67: Tahap Pencapaian Pelajar

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Baik	2	50.0	50.0	50.0
Sangat Baik	2	50.0	50.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.17: Tahap Pencapaian Pelajar



Sumber: Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual (66) dan carta pai (17) di atas, menerangkan bahawa 2 orang (50.0%) responden bersetuju tahap pencapaian pelajar berada pada tahap baik dan 2 orang (50.0%) pada tahap sangat baik. Kesimpulannya, responden yang bersetuju tahap pencapaian pelajar berada pada tahap baik dan tahap sangat baik adalah sama ramai iaitu 2 orang (50.0%).

4.2.2.3 Penguasaan Pelajar Terhadap Perbendaharaan Kata Arab Dalam PSI


4.2.2.3.1 Pelajar Menguasai PKA Dengan Baik

Jadual 4.68: Pelajar Menguasai PKA Dengan Baik

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Tidak	1	25.0	25.0	25.0
Ya	3	75.0	75.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.18: Pelajar Menguasai PKA Dengan Baik



Sumber: Borang Soal Selidik

Berpandukan jadual (67) dan carta pai (18) di atas, didapati bahawa 1 orang (25.0%) responden tidak bersetuju pelajar menguasai PKA dengan baik dan 3 orang (75.0%) bersetuju. Justeru itu, bilangan responden yang bersetuju pelajar menguasai PKA dengan baik 3 orang (75.0%) mengatasi bilangan responden yang tidak bersetuju 1 orang (25.0%).


4.2.2.3.2 Metode Pengajaran Membantu Pelajar Menguasai PKA

Jadual 4.69: Metode Pengajaran Membantu Pelajar Menguasai PKA

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Ya	4	100.0	100.0	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.19: Metode Pengajaran Membantu Pelajar Menguasai PKA



Sumber: Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual (68) dan carta pai (19) di atas, menunjukkan bahawa 4 orang (100.0%) responden semuanya menyatakan metode pengajaran guru telah membantu pelajar menguasai perbendaharaan kata Arab yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.


4.2.2.3.3 Sentiasa Membuat Latihan Pengukuhan Terhadap Pelajar

Jadual 4.70: Sentiasa Membuat Latihan Pengukuhan Terhadap Pelajar

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Ya	4	100.0	100.0	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.20: Sentiasa Membuat Latihan Pengukuhan Terhadap Pelajar



Sumber: Borang Soal Selidik

Merujuk kepada jadual (69) dan carta pai (20) di atas, menjelaskan bahawa 4 orang (100.0%) responden semuanya bersetuju guru sentiasa membuat latihan pengukuhan terhadap pelajar.


4.2.2.3.4 Penguasaan PKA Sangat Penting

Jadual 4.71: Penguasaan PKA Sangat Penting

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Ya	4	100.0	100.0	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.21: Penguasaan PKA Sangat Penting



Sumber: Borang Soal Selidik

Maklumat daripada jadual (70) dan carta pai (21) di atas, menunjukkan bahawa 4 orang (100.0%) responden semuanya menjelaskan penguasaan perbendaharaan kata Arab sangat penting dalam Pendidikan Syariah Islamiah.


4.2.2.3.5 Punca PSI Tidak cemerlang Kerana Lemah Penguasaan PKA

Jadual 4.72: Punca PSI Tidak cemerlang Kerana Lemah Penguasaan PKA

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Bersetuju	2	50.0	50.0	50.0
Kurang bersetuju	2	50.0	50.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.22: Punca PSI Tidak Cemerlang Kerana Lemah Penguasaan PKA



Sumber: Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual (71) dan carta pai (22) di atas, menerangkan bahawa 2 orang (50.0%) responden bersetuju punca PSI tidak cemerlang kerana lemah penguasaan PKA dan 2 orang (50.0%) kurang bersetuju. Justeru itu, responden yang bersetuju punca PSI tidak cemerlang kerana lemah penguasaan PKA sama ramai dengan kurang bersetuju iaitu 2 orang (50.0%).


4.2.2.3.6 Penguasaan PKA Dalam 'Aqīdah

Jadual 4.73: Penguasaan PKA Dalam 'Aqīdah

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Sederhana	1	25.0	25.0	25.0
Baik	1	25.0	25.0	50.0
Sangat Baik	2	50.0	50.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.23: Penguasaan PKA Dalam 'Aqīdah



Sumber: Borang Soal Selidik

Berpandukan jadual (72) dan carta pai (23) di atas, menjelaskan bahawa 1 orang (25.0%) responden bersetuju penguasaan PKA pelajar dalam 'Aqīdah pada tahap sederhana, 1 orang (25.0%) tahap baik dan 2 orang (50.0%) tahap sangat baik. Secara keseluruhannya, responden yang bersetuju penguasaan PKA pelajar dalam 'Aqīdah pada tahap sangat baik lebih ramai iaitu 2 orang (50.0%) berbanding dengan pandangan yang lain.


4.2.2.3.7 Penguasaan PKA Dalam *Uşūl Al-Fiqh*

Jadual 4.74: Penguasaan PKA Dalam *Uşūl Al-Fiqh*

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Lemah	1	25.0	25.0	25.0
Sederhana	2	50.0	50.0	75.0
Baik	1	25.0	25.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.24: Penguasaan PKA Dalam *Uşūl Al-Fiqh*



Sumber: Borang Soal Selidik

Berpandukan jadual (73) dan carta pai (24) di atas, didapati bahawa 1 orang (25.0%) responden bersetuju penguasaan PKA pelajar dalam *Uşūl al-Fiqh* pada tahap lemah, 2 orang (50.0%) tahap sederhana dan 1 orang (25.0%) tahap baik. Kesimpulannya, responden yang bersetuju mengenai penguasaan PKA pelajar dalam *Uşūl al-Fiqh* pada tahap sederhana lebih ramai iaitu 2 orang (50.0%) berbanding dengan pandangan yang lain.


4.2.2.3.8 Penguasaan PKA Dalam Sejarah Perundangan Islam

Jadual 4.75: Penguasaan PKA Dalam Sejarah Perundangan Islam

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Baik	3	75.0	75.0	75.0
Sangat Baik	1	25.0	25.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.25: Penguasaan PKA Dalam Sejarah Perundangan Islam



Sumber: Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual (74) dan carta pai (25) di atas, menunjukkan bahawa 3 orang (75.0%) responden memilih penguasaan PKA pelajar dalam Sejarah Perundangan Islam pada tahap baik dan 1 orang (25.0%) pada tahap sangat baik. Oleh itu, responden yang memilih penguasaan PKA pelajar dalam Sejarah Perundangan Islam pada tahap baik lebih ramai iaitu 3 orang (75.0%) berbanding dengan tahap sangat baik iaitu 1 orang (25.0%).


4.2.2.3.9 Penguasaan PKA Dalam Ayat *Hukm*

Jadual 4.76: Penguasaan PKA Dalam Ayat *Hukm*

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Baik	1	25.0	25.0	25.0
Sangat Baik	3	75.0	75.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.26: Penguasaan PKA Dalam Ayat *Hukm*



Sumber: Borang Soal Selidik

Merujuk kepada jadual (75) dan carta pai (26) di atas, menjelaskan bahawa 1 orang (25.0%) responden memberi pandangan mengenai penguasaan PKA pelajar dalam *Ayat Hukm* pada tahap baik dan 3 orang (75.0%) pada tahap sangat baik. Sehubungan dengan itu, responden yang berpandangan mengenai penguasaan PKA pelajar dalam *Ayat Hukm* pada tahap sangat baik 3 orang (75.0%) mengatasi pandangan pada tahap baik 1 orang (25.0%).


4.2.2.3.10 Penguasaan PKA Dalam *Hadīth Hukm*

Jadual 4.77: Penguasaan PKA Dalam *Hadīth Hukm*

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Baik	2	50.0	50.0	50.0
Sangat Baik	2	50.0	50.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.27: Penguasaan PKA Dalam *Hadīth Hukm*



Sumber: Borang Soal Selidik

Maklumat daripada jadual (76) dan carta pai (27) di atas, menunjukkan bahawa 2 orang (50.0%) responden bersetuju penguasaan PKA pelajar dalam *Hadīth Hukm* pada tahap baik dan 2 orang (50.0%) pada tahap sangat baik. Secara keseluruhannya, responden yang bersetuju penguasaan PKA pelajar dalam *Hadīth Hukm* pada tahap baik sama dengan pandangan responden yang memilih pada tahap sangat baik iaitu 2 orang (50.0%).


4.2.2.3.11 Penguasaan PKA Dalam *Fiqh*

Jadual 4.78: Penguasaan PKA Dalam *Fiqh*

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Sederhana	1	25.0	25.0	25.0
Sangat Baik	3	75.0	75.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.28: Penguasaan PKA Dalam *Fiqh*



Sumber: Borang Soal Selidik

Berpandukan jadual (77) dan carta pai (28) di atas, didapati bahawa 1 orang (25.0%) responden bersetuju penguasaan PKA pelajar dalam *Fiqh* sederhana dan 3 orang (75.0%) sangat baik. Kesimpulannya, responden yang bersetuju penguasaan PKA pelajar dalam *Fiqh* sangat baik 3 orang (75.0%) mengatasi yang menyatakan sederhana 1 orang (25.0%).


4.2.2.3.12 Bahagian Paling Senang Dikuasai

Jadual 4.79: Bahagian Paling Senang Dikuasai

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
<i>Aqīdah</i>	1	25.0	25.0	25.0
Sejarah Perundangan Islam	2	50.0	50.0	75.0
<i>Ḥadīth Ḥukm</i>	1	25.0	25.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.29: Bahagian Paling Senang Dikuasai



Sumber: Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual (78) dan carta pai (29) di atas, menjelaskan bahawa 1 orang (25.0%) responden memilih 'Aqīdah merupakan bahagian paling senang dikuasai, 2 orang (50.0%) memilih Sejarah Perundangan Islam dan 1 orang (25.0%) memilih *Hadīth Hukm*. Justeru itu, responden yang memilih Sejarah Perundangan Islam merupakan bahagian paling senang dikuasai lebih ramai iaitu 2 orang (50.0%) berbanding dengan pilihan yang lain.


4.2.2.3.13 Bahagian Paling Sukar Dikuasai

Jadual 4.80: Bahagian Paling Sukar Dikuasai

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
<i>Uṣūl al-Fiqh</i>	3	75.0	75.0	75.0
<i>Fiqh</i>	1	25.0	25.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.30: Bahagian Paling Sukar Dikuasai



Sumber: Borang Soal Selidik

Berpandukan jadual (79) dan carta pai (30) di atas, didapati bahawa 3 orang (75.0%) responden menyatakan *Uşul al-Fiqh* merupakan bahagian paling sukar dikuasai dan 1 orang (25.0%) menyatakan *Fiqh*. Sehubungan dengan itu, bilangan responden yang menyatakan bahawa *Uşul al-Fiqh* merupakan bahagian paling sukar dikuasai seramai 3 orang (75.0%) mengatasi bilangan responden yang menyatakan *Fiqh* iaitu 1 orang (25.0%).


4.2.2.3.14 Sebab Pelajar Sukar Menguasai PKA Dengan Baik

Jadual 4.81: Sebab Pelajar Sukar Menguasai PKA Dengan Baik

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Kurang membaca	3	75.0	75.0	75.0
Malas berusaha	1	25.0	25.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.31: Sebab Pelajar Sukar Menguasai PKA Dengan Baik



Sumber: Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual (80) dan carta pai (31) di atas, menunjukkan bahawa 3 orang (75.0%) responden menyatakan pelajar sukar menguasai PKA dengan baik kerana kurang membaca dan 1 orang (25.0%) kerana malas berusaha. Secara keseluruhannya, responden yang menyatakan pelajar sukar menguasai PKA dengan baik kerana kurang membaca lebih ramai iaitu 3 orang (75.0%) berbanding dengan malas berusaha iaitu 1 orang (25.0%).


4.2.2.3.15 Peratus Pelajar Lemah Dalam PKA

Jadual 4.82: Peratus Pelajar Lemah Dalam Penguasaan PKA

	Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
20 - 39%	3	75.0	75.0	75.0
40 - 59%	1	25.0	25.0	100.0
Jumlah	4	100.0	100.0	

Sumber: Borang Soal Selidik

Carta Pai 4.32: Peratus Pelajar Lemah Dalam Penguasaan PKA



Sumber: Borang Soal Selidik

Merujuk kepada jadual (81) dan carta pai (32) di atas, menjelaskan bahawa 3 orang (75.0%) responden bersetuju dengan peratus pelajar lemah dalam penguasaan PKA sebanyak 20% - 39% dan 1 orang (25.0%) bersetuju dengan jumlah 40% - 59%. Kesimpulannya, responden yang bersetuju dengan peratus pelajar lemah dalam penguasaan PKA sebanyak 20% - 39% lebih ramai iaitu 3 orang (75.0%) berbanding dengan pandangan yang bersetuju dengan 40% - 59% iaitu 1 orang (25.0%) sahaja.

4.2.2.4 Hasil Kajian Terhadap Responden Daripada Kalangan Guru

Pengkaji membuat kesimpulan mengenai hasil kajian yang dijalankan terhadap responden daripada kalangan guru sepertimana berikut:

Pengkaji mendapati bahawa faktor jantina tidak termasuk dalam faktor utama yang membolehkan responden membantu pelajar menguasai perbendaharaan kata Arab dalam PSI. Sebaliknya faktor kelulusan akademik, opsyen akademik, pengalaman menjadi guru, pengalaman mengajar PSI dan jumlah waktu mengajar pula merupakan di antara faktor utama yang membolehkan responden membantu pelajar menguasai perbendaharaan kata Arab dalam PSI.

Terdapat juga faktor lain yang membolehkan responden membantu pelajar menguasai perbendaharaan kata Arab dalam PSI iaitu memperuntukkan masa memeriksa latihan PSI, minat pelajar terhadap PSI, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran PSI, kesesuaian sukatan pelajaran PSI dengan pemikiran pelajar dan perkembangan semasa, penggunaan ABM semasa pengajaran, metode pengajaran yang berkesan, membuat latihan pengukuhan terhadap pelajar dan minat guru terhadap PSI.

Pengkaji juga berpendapat bahawa majoriti responden memilih bahagian yang paling senang untuk dikuasai oleh pelajar ialah bahagian Sejarah Perundangan Islam. Kemudian barulah bahagian *'Aqīdah*. Manakala bahagian yang paling sukar untuk dikuasai oleh pelajar pula ialah bahagian *Uṣūl al-Fiqh* dan yang kedua bahagian *Fiqh*.⁸¹ Responden juga menjelaskan bahawa sebab pelajar sukar menguasai perbendaharaan kata Arab dalam PSI dengan baik ialah kerana pelajar kurang membaca dan malas berusaha.

4.2.2.5 Cadangan Untuk Pelajar Menguasai Perbendaharaan Kata Arab Dalam Pendidikan Syariah Islamiah:⁸²

Terdapat 10 cadangan yang disenaraikan oleh responden untuk pelajar menguasai perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah sebagaimana berikut:

1. Banyakkan membaca mengenai ilmu Pendidikan Syariah Islamiah.
2. Perbanyakkan membuat latihan.
3. Menyenaraikan perbendaharaan kata Arab yang sukar untuk dikuasai.
4. Menggalakkan pelajar menghafal kalimah Arab.
5. Mengadakan latih tubi yang lebih kerap.
6. Menyediakan latihan berfokus berkaitan dengan perbendaharaan kata Arab.
7. Menyemak dan memperkemaskan hafalan pelajar.
8. Membekalkan kamus *iṣṭilāḥ* kepada pelajar daripada awal tahun.
9. Mengadakan kuiz perbendaharaan kata Arab secara lisan dan bertulis.
10. Memastikan pelajar menggunakan kamus *iṣṭilāḥ* untuk merujuk jawapan latihan yang diberikan oleh guru.

⁸¹. Sila rujuk pada bahagian penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah, h. 172-174.

⁸². Borang Soal Selidik Guru, h. 5.

Melalui 10 cadangan yang telah disenaraikan oleh responden daripada kalangan guru di atas, pengkaji berpendapat bahawa pelajar berupaya menguasai perbendaharaan kata Arab dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah sebaik mungkin sekiranya mereka melaksanakan dengan bersungguh-sungguh semua cadangan tersebut.

4.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa penguasaan pelajar tingkatan 5 SMK Tun Perak terhadap perbendaharaan kata Arab dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah berada pada tahap sederhana⁸³ dan berpotensi untuk dipertingkatkan lagi pencapaiannya ke tahap yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Walaupun penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata Arab berada pada tahap sederhana tetapi pencapaian SMK Tun Perak bagi mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dalam peperiksaan SPM dari tahun 1999-2009 berada pada tahap yang baik. Situasi ini menjelaskan bahawa pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah boleh mencapai tahap cemerlang sekiranya mereka berjaya menguasai dan memahami perbendaharaan kata Arab dengan lebih baik terlebih dahulu.

Pengkaji juga mendapati bahawa penguasaan perbendaharaan kata Arab dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah pelajar tingkatan 5A1 dan 5A2 lebih baik daripada pelajar tingkatan 5A3, 5A4 dan 5A5 tetapi perbezaan penguasaan mereka tidak terlalu ketara. Kebanyakan mereka juga berpendapat bahawa bahagian *'Aqīdah* merupakan bahagian yang paling senang untuk dikuasai. Manakala bahagian yang paling sukar untuk dikuasai pula ialah bahagian *Uṣūl al-Fiqh*.

⁸³. Skala penguasaan perbendaharaan kata Arab dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah terdiri daripada 5 skala iaitu cemerlang, sangat baik, baik, sederhana dan lemah.

BAB KELIMA

RUMUSAN DAN SARANAN

5.1 PENGENALAN

Keseluruhan kajian tentang penguasaan perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak, Jasin, Melaka telah memberikan jawapan terhadap pelbagai persoalan yang dihadapi sebelum ini. Setiap pengamal pendidikan perlu menyesuaikan sukatan pelajaran dengan kaedah pengajaran yang akan dilaksanakan dalam kelas kerana proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa mengalami perubahan dari masa ke semasa.

Pembelajaran perlu bertepatan dengan apa yang telah pelajar terima selama berada di alam persekolahan sejak peringkat rendah lagi. Oleh itu para pendidik perlu bijak menangani masalah ini untuk memberikan kefahaman kepada pelajar dan memupuk minat mereka dengan berkesan. Bab ini akan menghuraikan rumusan kajian yang diperolehi sepanjang penyelidikan yang telah dijalankan. Perbincangan merangkumi empat bahagian iaitu kesimpulan, cadangan dan saranan, cadangan kajian lanjutan dan penutup.

5.2 KESIMPULAN

Sepanjang tempoh kajian dibuat dari awal hingga ke peringkat akhir, terdapat banyak pengajaran dan kesimpulan yang dapat diambil melalui topik-topik perbincangan. Pengkaji dapat merumuskan beberapa faktor penting yang perlu ada pada pelajar untuk menguasai dengan baik perbendaharaan kata Arab yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah tingkatan 4 dan 5. Di antara faktor-faktor tersebut:

5.2.1 Faktor Pelajar

- 5.2.1.1 Pelajar yang meminati mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah akan lebih cepat dan mudah menguasai perbendaharaan kata Arab yang terkandung dalam mata pelajaran tersebut.
- 5.2.1.2 Pelajar yang mempunyai matlamat untuk meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi akan belajar bersungguh-sungguh dan berusaha sebaik mungkin untuk mencapai matlamat yang diinginkan.
- 5.2.1.3 Pelajar yang memperuntukkan masa yang banyak untuk mengulang kaji mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah lebih senang untuk mengingat perbendaharaan kata Arab yang terdapat dalam mata pelajaran tersebut.
- 5.2.1.4 Pelajar yang mempunyai kecerdikan dan kepintaran minda mampu menggunakan kelebihan yang ada dan diperkuatkan lagi dengan keazaman yang tinggi untuk mencapai kejayaan yang membanggakan dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.

- 5.2.1.5 Pelajar yang tinggal di asrama sebahagian besarnya lebih berjaya menguasai perbendaharaan kata Arab dan berjaya mencapai kejayaan yang lebih baik dalam PSI kerana mempunyai masa belajar yang lebih teratur dan sistematik.
- 5.2.1.6 Pelajar yang memilih sendiri untuk meneruskan pelajaran mereka di sekolah aliran agama tanpa kehendak orang lain kebanyakannya lebih bersemangat dan fokus untuk mempelajari dengan lebih mendalam mata pelajaran agama dan bahasa Arab.
- 5.2.1.7 Pelajar yang datang dari keluarga yang berpelajaran dan berpendidikan tinggi lebih yakin dan matang menghadapi cabaran sebagai seorang pelajar kerana mendapat sokongan yang kuat daripada keluarga untuk cemerlang dalam pelajaran mereka.
- 5.2.1.8 Pelajar yang memperolehi kejayaan yang baik untuk mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dalam peperiksaan PMR akan lebih cemerlang dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah kerana mereka sudah mempunyai asas yang kukuh dalam bahasa Arab dan memiliki kalimah bahasa Arab yang banyak.

5.2.2 Faktor Guru

- 5.2.2.1 Guru yang mempunyai kelulusan akademik yang tinggi, sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dan mempunyai ikhtisas dalam bidang pendidikan sama ada Diploma Pendidikan atau KPLI mampu melahirkan pelajar yang berjaya menguasai perbendaharaan kata Arab dengan baik.

- 5.2.2.2 Guru yang lebih lama mengajar mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan mempunyai banyak pengalaman, mampu menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan berjaya.
- 5.2.2.3 Guru yang sentiasa membuat latihan dan memperuntukkan masa yang cukup untuk memeriksa buku latihan Pendidikan Syariah Islamiah akan membantu mengukuhkan kefahaman pelajar.
- 5.2.2.4 Guru yang meletakkan minat yang mendalam terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah berupaya menarik minat pelajar untuk menguasai dan cemerlang dalam mata pelajaran tersebut.
- 5.2.2.5 Guru yang berkesan dan berkarisma akan menyebabkan pelajar-pelajar senang untuk mempelajari sesuatu pelajaran dan akhirnya melahirkan pelajar-pelajar yang cergas dan bijak.
- 5.2.2.6 Guru yang memainkan watak utama dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran akan meletakkan kejayaan pelajar sebagai matlamat utama yang perlu dicapai sebaik mungkin.

5.2.3 Faktor Kaedah Pengajaran

- 5.2.3.1 Kaedah pengajaran yang menarik dapat membantu pelajar untuk belajar dengan tekun dan bersemangat serta menghilangkan perasaan malas dan jemu untuk menuntut ilmu pengetahuan.
- 5.2.3.2 Strategi pengajaran yang berinovatif boleh mendorong serta menggerakkan kecenderungan para pelajar ke arah pembelajaran yang berkualiti.

- 5.2.3.3 Bentuk pengajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan seharian pelajar dapat menolong mereka mengingati apa yang telah dipelajari dengan berkesan.
- 5.2.3.4 Teknik mengajar yang sesuai dan cara penyampaian yang jelas membantu pelajar mencapai objektif pembelajaran secara optimum.
- 5.2.3.5 Strategi pengajaran yang mampu membimbing pelajar supaya mahir menyediakan pelan pembelajaran sendiri yang kondusif dan efektif.

5.2.4 Faktor Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran

- 5.2.4.1 Alat bantu mengajar bersesuaian dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta berkait rapat dengan topik yang hendak diajarkan.
- 5.2.4.2 Reka bentuk alat bantu mengajar yang menarik dan berkesan serta mampu menarik perhatian dan menimbulkan minat pelajar terhadap pelajaran.
- 5.2.4.3 Sumber pengajaran dan pembelajaran yang mengandungi nilai-nilai murni yang tinggi dan merangsang minat pelajar supaya menumpukan perhatian kepada pelajaran.
- 5.2.4.4 Alat bantu mengajar yang disediakan dalam saiz yang sesuai dan boleh menghubungkan di antara benda konkrit dengan fakta-fakta yang abstrak.

- 5.2.4.5 Bahan bantu mengajar yang merupakan soalan latihan tubi dalam bentuk modul soalan topikal memudahkan pelajar menguasai setiap bab dengan baik dan berkesan.

5.3 CADANGAN DAN SARANAN

Pengkaji ingin memberikan beberapa cadangan dan saranan ke arah meningkatkan mutu penguasaan perbendaharaan kata Arab dalam Pendidikan Syariah Islamiah dan meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Di antara perkara yang perlu diberi penekanan ialah sepertimana berikut:

5.3.1 Cadangan Kepada Para Pelajar

- 5.3.1.1 Para pelajar semestinya mengiklaskan niat mempelajari ilmu Pendidikan Syariah Islamiah semata-mata kerana Allah S.W.T agar mendapat keberkatan dan keredaanNya.
- 5.3.1.2 Para pelajar hendaklah mengambil pendekatan yang lebih intensif iaitu dengan menghafal beberapa perbendaharaan kata Arab yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah setiap hari sehinggalah boleh menguasai perbendaharaan kata Arab tersebut dengan baik.
- 5.3.1.3 Untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan peperiksaan para pelajar mestilah mempunyai inisiatif sendiri iaitu dengan memperluaskan pembacaan mereka tanpa menghadkan kepada apa yang diajar oleh guru sahaja.

- 5.3.1.4 Para pelajar hendaklah mempunyai sikap suka berbincang dan mengemukakan pendapat serta tidak malu untuk mengambil bahagian ketika sesi pembelajaran berlangsung.
- 5.3.1.5 Pelajar-pelajar sewajarnya menanamkan azam dan minat yang tinggi dalam usaha untuk menguasai ilmu Pendidikan Syariah Islamiah dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
- 5.3.1.6 Mempertingkatkan disiplin dan sahsiah diri selari dengan ajaran Islam yang dipelajari melalui mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan merupakan kewajipan sebagai seorang muslim yang sebenar.

5.3.2 Cadangan Kepada Para Guru

- 5.3.2.1 Kaedah pengajaran atau pedagogi para guru perlu diperkemaskan dan dipertingkatkan lagi. Mereka sepatutnya membiasakan diri dengan penggunaan ABM dan mengurangkan kaedah syarahan dan soal jawab sahaja.
- 5.3.2.2 Memberikan penumpuan yang lebih terhadap pelajar yang lemah dalam penguasaan perbendaharaan kata Arab supaya mereka tidak ketinggalan untuk memahami Pendidikan Syariah Islamiah dengan lebih berkesan.
- 5.3.2.3 Membuat kamus perbendaharaan kata Arab bagi mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan mewajibkan kepada setiap pelajar supaya memilikinya bermula daripada awal sesi persekolahan lagi.

- 5.3.2.4 Memastikan pelajar sudah menguasai dan memahami perbendaharaan kata Arab yang terdapat dalam setiap tajuk yang telah dipelajari melalui teknik hafazan, *tasmi'* dan latih tubi.
- 5.3.2.5 Menjana idea yang kreatif dan menyeronokkan melalui pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan serta penglibatan aktif daripada semua pelajar.
- 5.3.2.6 Mewujudkan hubungan yang baik dan kerjasama yang erat di kalangan guru bagi memperkemaskan sistem pengajaran dan penyampaian ilmu kepada pelajar.
- 5.3.2.7 Membuat lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang mempunyai banyak kaitan dengan Pengajian Syariah seperti Mahkamah Syariah, Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

5.3.3 Cadangan Kepada Pihak Pentadbir

- 5.3.3.1 Para guru tidak dibebankan dengan tugas luar dan jawatan yang terlalu banyak sehingga boleh menjejaskan penumpuan mereka terhadap pengajaran di dalam kelas.
- 5.3.3.2 Pihak pentadbir perlu mengambil berat terhadap kebajikan para guru dan menyediakan kemudahan serta keperluan yang sewajarnya kepada mereka.
- 5.3.3.3 Menyediakan sistem jadual waktu yang lebih sistematik dan fleksibel serta mengikut opsyen setiap guru.

- 5.3.3.4 Memberikan insentif dan galakan kepada pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam sesuatu bidang, sebagai satu usaha untuk meraikan kejayaan dan menyuntik motivasi kepada mereka untuk lebih cemerlang.
- 5.3.3.5 Pihak pentadbir hendaklah sentiasa mendapatkan maklum balas daripada para guru tentang kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh para pelajar dan menyediakan program yang berkesan untuk mengatasi kelemahan tersebut.

5.3.4 Cadangan Kepada Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia

- 5.3.4.1 Memberi peluang yang lebih banyak kepada para pendidik untuk menyambung pelajaran ke peringkat ijazah sarjana dan doktor falsafah di dalam bidang pengajian yang mereka minati.
- 5.3.4.2 Memantapkan kepakaran dan profesionalisme guru Pendidikan Syariah Islamiah dengan menganjurkan seminar atau kursus yang lebih kerap dan bersesuaian dengan mereka.
- 5.3.4.3 Merangka sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah yang lebih mantap dan mampu melahirkan generasi pelajar yang berakhlak mulia dan mempunyai ilmu pengetahuan yang berkualiti.
- 5.3.4.4 Menyelaraskan mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah supaya diajar di semua sekolah menengah dan tidak hanya terhad kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan sekolah yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA) sahaja.

5.3.4.5 Menyediakan lebih ramai guru yang mempunyai ijazah dalam pengkhususan Pengajian Syariah dan di tempatkan di sekolah-sekolah yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.

5.3.5 Cadangan Kepada Pihak Ibu Bapa

5.3.5.1 Ibu bapa hendaklah sentiasa memantau pembelajaran para pelajar dan sentiasa menggalakkan mereka supaya rajin menghafal kalimah Arab yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.

5.3.5.2 Ibu bapa mestilah memberikan sokongan padu kepada mata pelajaran Pengajian Islam terutamanya Pendidikan Syariah Islamiah agar menjadi pilihan dan mendapat sambutan daripada kalangan pelajar di sekolah.

5.3.5.3 Ibu bapa hendaklah mendoakan kepada para pelajar agar dipermudahkan oleh Allah S.W.T untuk menghafal dan menguasai perbendaharaan kata Arab serta diberikan keberkatan dalam menuntut ilmu keagamaan.

5.3.5.4 Ibu bapa hendaklah memupuk minat para pelajar terhadap Pendidikan Syariah Islamiah sejak dari awal lagi agar mereka tidak merasa janggal dengan keadilan hukuman dan perundangan Islam.

5.3.5.5 Ibu bapa perlu kembali kepada penghayatan Islam yang sebenar dan mengamalkan prinsip-prinsip Syariah yang sepatutnya dalam segenap bidang kehidupan mereka supaya menjadi contoh dan ikutan kepada pelajar.

5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berikut adalah cadangan kajian lanjutan yang perlu dijalankan oleh mana-mana penyelidik:

- 5.4.1 Menilai tahap penguasaan pelajar terhadap ilmu *Uṣūl al-Fiqh* yang terdapat dalam sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.
- 5.4.2 Membuat penyelidikan mengenai hubungan di antara metodologi Pendidikan Syariah Islamiah dengan pencapaian akademik pelajar.
- 5.4.3 Membuat kajian mengenai sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah yang digunakan di peringkat sekolah menengah adakah masih bersesuaian dengan keadaan semasa.
- 5.4.4 Mengkaji dengan lebih mendalam lagi faktor-faktor kelemahan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Syariah Islamiah dan masalah yang dihadapi oleh mereka.
- 5.4.5 Membuat kajian dengan lebih terperinci mengenai penggunaan buku teks Pendidikan Syariah Islamiah untuk melihat adakah bersesuaian dengan tahap pemikiran pelajar dan guru.
- 5.4.6 Membuat kajian perbandingan di antara pencapaian mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dengan mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah dalam peperiksaan SPM.
- 5.4.7 Membuat kajian perbandingan di antara kaedah, teknik dan pendekatan yang digunakan di Sekolah Menengah Kebangsaan dengan Sekolah Menengah Agama Rakyat yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.

5.5 PENUTUP

Pencapaian mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) akan terus meningkat dengan cemerlang sekiranya semua pihak mempunyai kesedaran bahawa ia adalah ilmu yang penting untuk dipelajari dan memberi manfaat yang besar bukan sahaja kepada akademik pelajar bahkan kepada pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar itu sendiri. Berpaksikan kepada hakikat dan kesedaran ini, maka setiap individu mempunyai peranan untuk merealisasikannya supaya menjadi satu kenyataan.

Sebelum menguasai mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah, pelajar hendaklah terlebih dahulu menguasai dan mempunyai kemahiran dalam ilmu bahasa Arab. Ini kerana bahasa Arab memainkan peranan yang sangat penting dan merupakan kunci bagi segala ilmu pengetahuan terutamanya yang berkaitan dengan ilmu agama.. Perbendaharaan kata Arab yang terdapat dalam Pendidikan Syariah Islamiah juga merupakan warisan tamadun Islam yang sangat bernilai dan perlu dikuasai sebaik mungkin oleh setiap pelajar.

Justeru itu, untuk melakar satu kejayaan yang gemilang, sejuta pengorbanan dan kesungguhan yang diperlukan daripada semua pihak . Di samping itu, diperlukan juga penerapan disiplin pembelajaran yang mantap dan kaedah pengajaran yang berkesan serta persekitaran sekolah dan asrama yang kondusif. Semua ini akan membantu pelajar menguasai perbendaharaan kata Arab dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dengan lebih baik lagi.

BIBLIOGRAFI

KAMUS

H. Mahmud Yunus (Prof. Dr.), (1991), *Kamus Arab-Indonesia*, c.1. Selangor: Penerbit Klang Book Centre.

Joyce M. Hawkins (1995), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, c. 14. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mohd Khairi Zainuddin *et al.* (2008), *al-Miftāh, Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris*, c. 2. Selangor: Angkatan Eedaran Enterprise Sdn. Bhd.

Noresah Baharom *et al.* (2005), *Kamus Dewan*, edisi 4, c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BUKU

Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (2006), *Buku Panduan Kursus Peningkatan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah*, c.1. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

_____ (2008), *Panduan Kursus Perealisasikan Item Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Gerald S.Ferman & Jade Levin (1975), *Social Sciences Research*. United States of America: John Wisley & Sons.

Idris Awang (1988), *Penyelidikan Jenis dan Method*. Kuala Lumpur: Akademi Islam, Universiti Malaya.

_____ (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.

Ishak Mohd. Rejab (1993), *Kajian Mengenalpasti Tahap Penguasaan Pelajar Baru Terhadap Perbendaharaan Kata Bahasa Arab*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ismail Ab. Rahman (1992), *Masalah Yang dihadapi Oleh Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 4*, c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ (2003), *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 5*, c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenneth D. Baily (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Louay Safi (1998), *Asas-asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: The International of Islamic Thought & Thinker's Library.
- Louis Gottshalk (1982), *Understanding History : A Primer Of Historical*. Nugroho Noto Susanto (terj.), *Mengerti Sejarah*. Jakarta: Universiti Indonesia.
- Mohd Shafie Abu Bakar (1987), *Methodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Osman Hj. Khalid (1987), *Sejarah Peradaban Arab*. Kuala Lumpur: Syarhat Nadhi.
- Samaruddin Rejab dan Nazri Abdullah (1992), *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sektor Penilaian dan Peperiksaan (2010), *Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009*. Melaka: Jabatan Pelajaran Melaka.
- Sidi Gazalba (1981), *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- SMK Tun Perak (2010), *Buku Perancangan & Takwim*. Jasin: SMK Tun Perak.
- Sulaiman Masri (2003), *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal dan Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Syed Arabi Idid (1992), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, 2 j. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Unit Peperiksaan & Penilaian (2010), *Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009*. Jasin: SMK Tun Perak.

(1999-2010), *Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 1999-2009*. Jasin: SMK Tun Perak.

Winarno Surachmad (1970), *Dasar dan Teknik Reseach, Pengantar Metodologi Ilmiah*. Bandung: Penerbit C.V. Tarsito.

Zulkarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som (2001), *Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

TESIS, LATIHAN ILMIAH DAN JURNAL

Hashim Mat Zin (2009), “Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab di kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes”(Tesis Master. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

Ismail Muda (1999), “Penguasaan Bahasa Arab di kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa, Kelantan”(Tesis Master. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

Mohd Shafien Othman (2008), “Penguasaan Al-I’lal dan Al-Ibdal di kalangan Pelajar-pelajar Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Satu Kajian Kes” (Tesis Master. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

Naimah Daud (1994), “Pengajian Syariah: Kajian Sukatan dan Kaedah Mengajar di Maahad Muhammadi (P) Kota Bharu, Kelantan Darul Naim” (Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Akademi Islam, Universiti Malaya).

Rahimin Affandi Abd Rahim (2005), “Isu Pendekatan di dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis” (Jurnal Syariah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Sahabudin Salleh (2003), “Masalah Penguasaan Bahasa Arab Kominikasi di kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes” (Tesis Master. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

Saifuddin Hussin (2002), “Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab di kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Tiga: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Negeri Melaka” (Tesis Master. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).

Shamilah Haris (1994), “Pengajian Syariah di S.M.K.A (P) Al Mashoor: Analisa dari Sudut Sukatan Pelajaran, Pengajaran dan Pencapaian Pelajar” (Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Akademi Islam, Universiti Malaya).

Siti Nurfiza Abdul Alahdad (2007), “Penguasaan Kata Nama Sinonim Bahasa Arab di kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Semantik” (Tesis Master. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Lingustik, Universiti Malaya).

Tuan Rashid Tuan Mat (2000), “Penguasaan Kata Ganti Nama Bahasa Arab di kalangan Pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama” (Tesis Master. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Lingustik, Universiti Malaya).

MAJALAH

Majalah Sekolah SMK Tun Perak, Jasin, Melaka (1987-1988), *Tunas*, 1 j. Melaka: Percetakan Surya.

_____ (2008), *Al-Izdihaar*, 10 j. Melaka: Bintang Printing Centre Sdn. Bhd.

BULETIN

SMK Tun Perak (2009), *Buletin Al-Izdihaar*, 2 j. Melaka: Bintang Printing Centre Sdn. Bhd.

_____ (2008), *Selayang Pandang SMKTP dari 1965-2008*. Jasin: SMK Tun Perak.

SURAT SIARAN

SMK Tun Perak (2010), *Surat Siaran*. Jasin: SMK Tun Perak.

_____ (2011), *Surat Siaran*. Jasin: SMK Tun Perak.

LAPORAN

Panitia Pendidikan Syariah Islamiah (2010), *Perancangan Strategik*. Jasin: SMK Tun Perak.

CARTA

SMK Tun Perak (2010), *Carta Pengetua 1965-2010*. Jasin: SMK Tun Perak.

LAMAN WEB

SMK Tun Perak, Jasin, Melaka.
<http://estipi.tripod.com>. 23 Ogos 2010.

Universiti Kebangsaan Malaysia.
http://www.gemaislam.net/e-tesis_ba/3.htm. 15 Jun 2010.

Universiti Sains Malaysia.
http://web.usm.mu/education/publication/JPP24_kamarulshukri_109-123.
15 Jun 2010.

TEMU BUAL

Ustaz Ahmad Jamsari Mahmud, Setiausaha Peperiksaan SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Temu bual pada 21 Julai 2010.

Ustazah Fadzilah Mohamad Noor, Guru Mata Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Temu bual pada 24 Januari 2011.

Ustaz Khairul Munir Ibrahim, Ketua Warden Asrama SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Temu bual pada 1 Februari 2011.

Tn. Hj. Muhd Hairi Tamam, Pengetua SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Temu bual pada 22 Julai 2010.

_____, Guru Mata Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.
Temu bual pada 24 Januari 2011.

Ustazah Nor Zairinah Bakri, Guru Mata Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.
Temu bual pada 25 Januari 2011.

Ustaz Sahrul Nizam Hadaiau, Guru Mata Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.
Temu bual pada 25 Januari 2011.

Pn. Hjh. Yazidah Yazid, GPK HEM SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Temu bual pada 22 Julai 2010.

_____, GPK HEM SMK Tun Perak, Jasin, Melaka. Temu bual pada 24 Januari 2011.